The main role of the Group Internal Audit Department is to review the effectiveness of the system of internal control and this is performed with impartiality, proficiency and due professional care.

## **B. TERMS OF REFERENCE OF THE AUDIT COMMITTEE**

### **1. Composition of the Audit Committee**

The Audit Committee shall at all times consist of at least three (3) members a majority of whom must be Independent Directors. At least one (1) member shall be a member of the Malaysian Institute of Accountants or otherwise fulfils the criteria set out in paragraph 15.10(1) of the Listing Requirements of the Kuala Lumpur Stock Exchange. No alternate Director shall be appointed as a member of the Audit Committee.

The Chairman of the Audit Committee is to be elected amongst themselves but must be an Independent Non-Executive Director.

### **2. Secretary to the Audit Committee**

The Company Secretary and/ or the Assistant Company Secretary and/ or any other person as may be appointed by the Audit Committee shall be the Secretary to the Audit Committee. The Secretary shall provide the necessary administrative and secretarial services for the effective functioning of the Audit Committee. The Minutes of meetings, which are kept by the Secretary, are circulated to the Committee members and to all other members of the Board. Alternatively, the Chairman of the Audit Committee shall present the Audit Committee Report at the earliest Board of Directors' Meeting. The Audit Committee Report shall include, among others, a summary of all matters discussed in the Audit Committee Meeting and the decisions and recommendations made therein.

### **3. Quorum of Meetings**

The majority of members present must be Independent Directors.

### **4. Attendance at Meetings**

The Managing Director, the Group Chief Financial Officer and the Head of Internal Audit shall normally attend the meetings. Other Directors and employees of the Company shall attend the meetings only at the invitation of the Committee.

As and when necessary, the External Auditor would be invited to attend meetings.

### **5. Frequency of Meetings**

The Committee shall meet regularly, at least one meeting per financial quarter.

### **6. Functions of the Audit Committee**

- 6.1 To review the following and report the same to the Board of Directors:
- (a) with the External Auditor, the audit plan;
  - (b) with the External Auditor, its evaluation of the system of internal controls;
  - (c) with the External Auditor, its audit report;
  - (d) the assistance given by the employees of the Company to the External Auditor;
  - (e) the adequacy of the scope, functions and resources of the internal audit functions and that it has the necessary authority to carry out its work;

*Audit menyedari kepentingan jabatan audit dalaman yang bebas dengan sumber yang lengkap bagi mendapatkan jaminan yang diperlukan untuk system kawalan dalaman yang berkesan.*

*Peranan utama Jabatan Audit Dalaman Kumpulan adalah untuk mengkaji keberkesanan sistem kawalan dalaman dan ianya dijalankan dengan saksama, cekap dan secara profesional.*

## **B. TERMA-TERMA RUJUKAN JAWATANKUASA AUDIT**

### **1. Komposisi Jawatankuasa Audit**

*Komposisi Jawatankuasa Audit hendaklah sentiasa terdiri daripada sekurang-kurangnya tiga (3) orang ahli yang majoritinya Pengarah Bebas. Sekurang-kurangnya salah seorang ahli mestilah menjadi ahli Institut Akauntan Malaysia atau memenuhi kriteria seperti yang terkandung di dalam perenggan 15.10 (1) Syarat-syarat Penyenaraian Bursa Saham Kuala Lumpur. Pengarah Gantian tidak boleh dilantik sebagai ahli Jawatankuasa Audit.*

*Pengerusi Jawatankuasa Audit hendaklah dipilih daripada kalangan ahli Jawatankuasa tersebut dan mestilah seorang Pengarah Bebas Bukan Eksekutif.*

### **2. Setiausaha Jawatankuasa Audit**

*Setiausaha Syarikat dan/ atau Penolong Setiausaha Syarikat dan/ atau mana-mana individu yang dilantik oleh Jawatankuasa Audit boleh menjadi Setiausaha Jawatankuasa Audit.*

*Setiausaha akan menyelenggarakan segala urusan pentadbiran dan kesetiausahaan yang perlu supaya Jawatankuasa dapat berfungsi dengan berkesan. Minit-minit mesyuarat yang disimpan oleh Setiausaha, akan diedarkan kepada ahli-ahli Jawatankuasa Audit dan kesemua ahli Lembaga Pengarah yang lain. Sebagai pilihan, Pengerusi Jawatankuasa Audit akan menyampaikan Laporan Jawatankuasa Audit di Mesyuarat Lembaga Pengarah yang terdekat. Laporan Jawatankuasa Audit terdiri daripada beberapa perkara, termasuklah kenyataan ringkas tentang semua perkara yang dibincangkan dalam Mesyuarat Jawatankuasa Audit dan keputusan-keputusan dan cadangan-cadangan yang dibuat di dalamnya.*

### **3. Korum Mesyuarat**

*Majoriti ahli yang hadir mestilah terdiri daripada Pengarah Bebas.*

### **4. Kehadiran di Mesyuarat**

*Pengarah Urusan, Ketua Pegawai Kewangan Kumpulan dan Ketua Juruaudit Dalaman pada kebiasaannya akan menghadiri mesyuarat. Kehadiran Pengarah-pengarah yang lain dan kakitangan Syarikat hanya di atas jemputan Jawatankuasa Audit.*

*Juruaudit Luar biasanya akan dijemput hadir ke mesyuarat apabila dianggap perlu.*

### **5. Kekerapan Mesyuarat**

*Jawatankuasa Audit akan bermesyuarat pada masa-masa yang tetap, sekurang-kurangnya sekali setiap suku tahun kewangan.*

### **6. Tugas dan Tanggungjawab Jawatankuasa Audit**

- 6.1 Untuk menyemak, menilai dan melaporkan kepada Lembaga Pengarah tentang perkara-perkara berikut:
  - (a) bersama Juruaudit Luar, mengenai perancangan audit;
  - (b) bersama Juruaudit Luar, mengenai penilaiannya tentang system kawalan dalaman;

- (f) the internal audit programme, process, the results of the internal audit programme, processes or investigation undertaken and whether or not appropriate action is taken on the recommendations of the internal audit function;
  - (g) the quarterly results and year end financial statements, prior to the approval by the Board of Directors, focusing particularly on:
    - (i) changes in or implementation of major accounting policy changes;
    - (ii) significant and unusual events; and
    - (iii) compliance with accounting standards and other legal requirements;
  - (h) any related party transaction and conflict of interest situation that may arise within the Company or Group including any transaction, procedure or course of conduct that raises questions of the Management's integrity;
  - (i) any letter of resignation from the External Auditor of the Company;
  - (j) whether there is reason (supported by grounds) to believe that the Company's External Auditor is not suitable for re-appointment;
  - (k) the External Auditor's management letter and the Management's response thereto;
  - (l) any appraisal or assessment of the performance of members of the internal audit function;
  - (m) any appointment or termination of senior staff members of the internal audit function; and
  - (n) the appointment and remuneration of the External Auditor each year;
- 6.2 To recommend the nomination of a person or persons as External Auditor;
- 6.3 To be informed of resignations of internal audit staff members and provide the resigning staff member an opportunity to submit his/her reasons for resigning, if necessary;
- 6.4 To consider the major findings of internal investigations and Management's response thereto;
- 6.5 To consider other topics as defined by the Board from time to time; and
- 6.6 To support, whenever deemed necessary, the internal audit activities.

The Board may review the above duties and responsibilities from time to time.

## 7. Access

Wherever necessary and reasonable for the performance of its duties, the Audit Committee shall, at the cost of the Company:

- 7.1 Have authority to investigate any matter within its terms of reference;
- 7.2 Have the resources which are required to perform its duties;
- 7.3 Have full and unrestricted access to any information pertaining to the Company;
- 7.4 Have direct communication channels with the External Auditor and person(s) carrying out the internal audit function or activity (if any);
- 7.5 Be able to obtain independent professional or other advice; and
- 7.6 Be able to convene meetings with the External Auditor, excluding the attendance of the executive members of the Committee, whenever deemed necessary.

## 8. Review of the Audit Committee

The Board of Directors of the Company must review the term of office and performance of the Audit Committee and each of its members at least once every three (3) years to determine whether such Audit Committee and members have carried out their duties in accordance with their terms of reference.

- (c) bersama Juruaudit Luar, mengenai laporan auditnya;
  - (d) bantuan yang diberikan oleh kakitangan Syarikat kepada Juruaudit Luar;
  - (e) Keberkesanan skop, fungsi, dan sumber untuk audit dalaman berfungsi serta memiliki kuasa yang diperlukan dalam menjalankan tugas adalah memadai;
  - (f) Program audit dalaman, proses, keputusan program audit dalaman, proses-proses atau penyiasatan yang dijalankan dan samada tindakan yang sesuai diambil seperti yang disyorkan oleh fungsi audit dalaman;
  - (g) Penyata suku tahun kewangan dan laporan kewangan tahunan, sebelum diluluskan oleh Lembaga Pengarah, terutamanya:
    - (i) perubahan atau pelaksanaan polisi utama perakaunan;
    - (ii) peristiwa penting dan luarbiasa; dan
    - (iii) pematuhan dasar perakaunan dan lain-lain kehendak perundangan;
  - (h) mana-mana urusanniaga melibatkan pihak-pihak berkaitan dan situasi konflik dalam kepentingan yang mungkin timbul di dalam Syarikat atau Kumpulan termasuk mana-mana urusanniaga, tatacara atau perjalanan tatacara yang menimbulkan persoalan tentang kejujuran dan ketulusan pihak Pengurusan;
  - (i) surat perletakan jawatan daripada Juruaudit Luar Syarikat;
  - (j) samada terdapat alasan (disokong dengan sebab yang kukuh) untuk mempercayai bahawa Juruaudit Luar Syarikat tidak sesuai untuk perlantikan semula;
  - (k) surat Pengurusan daripada juruaudit luar dan tindak balas pihak pengurusan terhadapnya;
  - (l) penilaian prestasi ahli di dalam fungsi audit dalaman;
  - (m) perlantikan atau penamatan perkhidmatan kakitangan kanan di dalam fungsi audit dalaman; dan
  - (n) perlantikan dan bayaran khidmat juruaudit luar setiap tahun;
- 6.2 Mengesyorkan pencalonan mana-mana individu sebagai juruaudit luar;
- 6.3 Dimaklumkan mengenai perletakan jawatan kakitangan audit dalaman dan memberi peluang kepada ahli kakitangan yang meletak jawatan tersebut untuk memberikan alasan, jika perlu;
- 6.4 Mempertimbangkan hasil siasatan dalaman yang besar dan tindak balas pihak pengurusan terhadapnya;
- 6.5 Mempertimbangkan perkara-perkara lain yang dijelaskan oleh Lembaga Pengarah dari masa ke semasa; dan
- 6.6 Menyokong, jika dianggap perlu, aktiviti-aktiviti audit dalaman.

Tugas serta tanggungjawab di atas mungkin dikaji semula dari masa ke semasa oleh Lembaga Pengarah.

## 7. Akses

Dimana dianggap perlu dan munasabah dalam menjalankan tanggungjawabnya, Jawatankuasa Audit, dengan kos yang dibiayai oleh Syarikat:

- 7.1 Mempunyai kuasa, tertakluk kepada terma-terma rujukannya untuk menyiasat apa juga perkara;
- 7.2 Mempunyai sumber-sumber yang diperlukan untuk menjalankan tanggungjawabnya;
- 7.3 Mempunyai akses yang penuh dan tiada sekatan terhadap apa-apa maklumat berkenaan Syarikat;
- 7.4 Mempunyai saluran komunikasi secara terus dengan Juruaudit Luar dan individu atau individu-individu yang menjalankan fungsi atau aktiviti audit dalaman (jika ada);
- 7.5 Boleh mendapatkan nasihat professional bebas atau lain-lain nasihat; dan
- 7.6 Boleh bermesyuarat dengan Juruaudit Luar, tanpa kehadiran ahli Jawatankuasa eksekutif, jika dianggap perlu.

## 8. Penilaian Jawatankuasa Audit

Lembaga Pengarah akan mengkaji tempoh jawatan dan prestasi Jawatankuasa Audit dan setiap ahlinya sekurang-kurangnya setiap tiga (3) tahun sekali untuk menentukan samada Jawatankuasa Audit dan ahli-ahlinya menjalankan tugas menurut terma-terma rujukan mereka.

**ORGANISATION STRUCTURE**  
**STRUKTUR ORGANISASI**



**edaran**

**EDARAN DIGITAL SYSTEMS BERHAD**



“Over the next 18 to 24 months, our focus will be on enhancing and revitalising our human resources and operational strengths of the Group. We will consolidate to sustain profitability and reposition for effective growth.”

## Chairman's Message *Perutusan Pengerusi*



“Dalam tempoh 18 hingga 24 bulan akan datang, tumpuan kita adalah untuk meningkatkan dan menyemarak lagi semangat kerja kakitangan dan kekuatan operasi Kumpulan. Kita akan menyatukan operasi bagi mengekalkan keuntungan dan mengukuhkan kedudukan untuk pertumbuhan efektif.”

# Repositioning in a Changing Environment

*Valued Shareholders and Partners,*

**On behalf of the Board of Directors and Management of EDARAN, I am happy to share that your Company has withstood a challenging year within the ICT industry and managed to minimise the negative effects of an uncertain market.**

## **Financial Review**

Against the backdrop of a difficult business environment, your Company demonstrated perseverance and determination. Group revenue for FY2003 increased 12.5% to RM197.1 million from RM175.1 million in FY2002. Gross profit was recorded at RM17.5 million for the year under review. The Group has however taken prudent measures in recognition of the Company's doubtful debts and has made a provision of RM32.5 million. As such the Group reported a loss of RM38 million for FY2003. Notwithstanding, the Company has taken and is continuing to take the necessary steps to recover its doubtful debts.

## **Consolidating and Adapting to A Changing Environment**

The Company is entering exciting times and we will see industries and corporations adjusting to the changing environment. EDARAN aims to reposition, adapt and strengthen itself to embrace long term sustainable growth. Over the next 18 to 24 months, our focus will be on enhancing and revitalising the people and operational strengths of the Group. We will consolidate to sustain profitability and reposition for effective growth.

We believe that in an increasingly service-oriented business environment, the ICT needs of organisations will evolve. The Company recognises that there are strengths within the Group that will enable EDARAN to optimise prospective opportunities. While the Company seeks out new business opportunities, it will continue to grow the Company's strengths in its traditional businesses particularly its systems integration and maintenance services. The provision of professional yet personalised, quality maintenance service has been the hallmark of EDARAN and it is the Company's intention to capitalise on this strength to maintain its proven track record in customer service.

### **Increasing Productivity and Proficiency**

In its efforts to address the increasingly intense competition, EDARAN has undertaken several initiatives to increase the Company's productivity and efficiency. These initiatives include adopting better cost control measures, increasing the training scope and hours for our employees and encouraging them to be multi-skilled. The Company also undertook a right sizing exercise in the manner of a voluntary separation scheme which saw a reduction in staff numbers by 35% in January 2003. Going forward, the Group will persevere in improving its operational processes and systems to revitalise and reenergise the Group.


### **Toward a Culture of Commitment and Achievement - A Culture of Success**

I believe that fundamental to a successful reinvention of your Company is the establishment and practice of a desired corporate and business culture. Therefore, as EDARAN repositions itself, it will persevere in reinforcing positive attributes and good values in the Company's work culture. It remains the goal of the Group to establish a corporate culture that is characterised by a higher level of commitment, stronger determination, greater cohesiveness and teamwork and, most of all, discipline and good ethics.

### **Appreciation**

In closing, I would like to express my sincere and heartfelt appreciation to all stakeholder groups of EDARAN - our valued customers, our bankers, business partners, employees and shareholders, who have in their respective capacities, continued to encourage and support the growth of the Company.

*Wassalam & selamat sejahtera*



**Tajudin Ramli**  
CHAIRMAN

# Mengukuhkan kedudukan dalam menerajui arus perubahan

*Para pemegang saham dan  
rakan niaga yang dihargai,*

**Bagi pihak Lembaga Pengarah dan Pengurusan EDARAN, saya gembira untuk menyatakan bahawa Syarikat kita telah berjaya mengharungi tahun yang sungguh mencabar di dalam industri Maklumat, Komunikasi dan Teknologi (ICT) dan berjaya mengurangkan kesan-kesan negatif daripada keadaan pasaran yang tidak menentu.**

27

## **Kajian Kewangan**

Disebalik persekitaran perniagaan yang sukar, Syarikat kita telah menunjukkan tahap kesungguhan dan ketahanan yang tinggi. Pendapatan Kumpulan dalam tahun kewangan 2003 telah meningkat sebanyak 12.5% kepada RM197.1 juta daripada RM175.1 juta dalam tahun kewangan 2002. Keuntungan kasar sebanyak RM17.5 juta telah berjaya diraih dalam tahun di bawah kajian. Kumpulan telah mengambil langkah-langkah berhemat ketika mengiktiraf hutang ragu syarikat dengan membuat peruntukan sebanyak RM32.5 juta. Peruntukan itu menyebabkan Kumpulan telah mencatatkan kerugian sebanyak RM38 juta bagi tahun kewangan 2003. Meskipun begitu, Syarikat telah dan terus mengambil langkah-langkah perlu untuk memperoleh semula hutang-hutang ragu.

## **Penyatuan dan Menerapkan Diri Kepada Perubahan Persekitaran**

Syarikat kini berada dalam satu tempoh masa yang menggalakkan dan kita akan menyaksikan industri-industri dan syarikat-syarikat menyesuaikan diri mereka kepada perubahan persekitaran. EDARAN menyasarkan dirinya ke arah memposisikan semula kedudukan, menerapkan perubahan dan mengukuhkan kedudukan dalam menghadapi pertumbuhan berkekalan dalam tempoh jangka panjang. Dalam tempoh 18 hingga 24 bulan akan datang, tumpuan kita adalah meningkatkan dan menyemarak lagi semangat kerja kakitangan dan kekuatan operasi Kumpulan. Kita akan menyatukan operasi bagi mengekalkan keuntungan dan mengukuhkan kedudukan untuk pertumbuhan efektif.

Kita percaya dalam persekitaran perniagaan berorientasikan perkhidmatan yang semakin meningkat, keperluan ICT dalam sesebuah organisasi akan mengalami satu perkembangan. Syarikat menyedari terdapatnya kekuatan dalam Kumpulan yang akan membolehkan EDARAN mengoptimalkan peluang-peluang yang bakal muncul. Ketika Syarikat mencari

peluang-peluang perniagaan yang baru, ia akan terus mengembangkan kekuatannya dalam perniagaan tradisi terutamanya penyatuan sistem dan perkhidmatan pembaikan. EDARAN telahpun dikenali melalui perkhidmatannya yang profesional tetapi lebih personal selain perkhidmatan pembaikan berkualiti. Hasrat Syarikat ialah untuk menggunakan kekuatan ini untuk mengekalkan rekod pencapaiannya yang telahpun terbukti dalam perkhidmatan pelanggan.

### **Meningkatkan Produktiviti dan Kecekapan**

Dalam usahanya menghadapi persaingan yang sengit, EDARAN telah melaksanakan beberapa inisiatif untuk meningkatkan skop dan tempoh masa latihan pekerja-pekerja kami dan menggalakkan mereka untuk memiliki kepakaran yang pelbagai. Syarikat juga melaksanakan usaha memiliki saiz kerja operasi yang tepat melalui skim pemberhentian sukarela yang menyaksikan pengurangan bilangan kakitangan sebanyak 35% pada bulan Januari 2003. Dalam melangkah ke hadapan, Kumpulan akan kekal untuk meningkatkan lagi proses operasi dan sistem untuk mencergaskan dan menguatkan Kumpulan.

### **Kearah Memupuk Budaya yang Komited dan Kecemerlangan - Satu Budaya Kejayaan**

Saya percaya asas terhadap kejayaan membentuk semula syarikat kita adalah pemupukan dan pengamalan budaya perniagaan dan korporat yang diingini. Sehubungan itu, dalam EDARAN memposisikan semula dirinya, ia akan berusaha mengukuhkan semula sumbangan yang positif dan nilai-nilai baik dalam budaya kerja syarikat. Matlamat berterusan Kumpulan adalah membentuk budaya korporat yang berdasarkan ciri-ciri tahap komitmen yang tinggi, keazaman yang kuat, kerja berpasukan dan kepaduan yang kuat dan yang lebih penting adalah berdisiplin dan mempunyai etika yang baik.

### **Penghargaan**

Sebagai mengakhiri kata, saya ingin merakamkan penghargaan setulus dan seikhlas hati kepada kesemua pihak-pihak berkepentingan terhadap EDARAN - para pelanggan, pengusaha bank, rakan niaga, pekerja dan pemegang saham dalam apa juga bidang tugas mereka yang terus menggalakkan dan menyokong pertumbuhan Syarikat.

*Wassalam & selamat sejahtera*



Tajudin Ramli  
PENERUSI

## OPERATIONS REVIEW

The last financial year for Edaran Digital Systems Berhad (EDARAN) has largely been one of consolidation. Underlying this strategy to strengthen and grow the company was a keener focus on the company's core business - systems integration and the development of innovative smart solutions. SIDIC Technology, EDARAN's newest operating entity has continued to show potential as the demand for the integration of smart technologies into ICT applications grow.

### Edaran Komputer Sdn Bhd (EKOM)

EKOM is an IT solutions and services provider which focuses on the implementation and maintenance of computer systems. Its core business activity is systems integration and its competitive advantage lies in its deep understanding of the needs of clients that seek its services to competently handle the complexities of their IT systems. Hence it has continued to keep a track record of providing sound guidance and assistance to clients in their selection of IT solutions and products.

EKOM has supplied and installed a wide range of products including mainframe systems, servers, personal computers and printer products. EKOM has worked with and represented products of major suppliers like NEC, IBM, Hewlett Packard, Fujitsu, Sun, Microsoft, Oracle, Cisco and Novell to name a few.

EKOM sustained growth over the last financial year on the back of prevailing long term projects and secured sales totaling RM40 million despite the negative effects on the local ICT industry brought on by the outbreak of war in Iraq and the SARS epidemic.

The company was busy with Phase III of Kastam Diraja Malaysia's (KDRM) equipment and application services installation and anticipates the completion of this final phase in October 2003. With that KDRM would have completed its national roll out of its 'Sistem Perkastaman', 'Sistem Pencegahan' and 'Sistem Cukai Dalaman' at all points of entry and in its Klang Valley offices. Sales related to the entire KDRM project has totalled RM156 million but even more gratifying is the role EKOM has played in contributing to the efficiency and progress of an important government agency.

KDRM joins the list of valued and successfully serviced Clients of EKOM which includes UiTM, Kementerian Pendidikan, Tenaga Nasional Berhad, Jabatan Keselamatan & Kesihatan Pekerja, Perbadanan Perpustakaan Awam Melaka and Perbadanan Sumber Manusia Berhad, to name a few.

Maintenance represents an important and critical part of the services provided by EKOM and in this area, the company has secured several renewal of maintenance contracts from the Jabatan Perdana Menteri, Jabatan Kimia, Majlis Bandaraya Shah Alam and Majlis Perbandaran Kuantan. EKOM has also recently secured a nationwide maintenance contract worth RM31 million from KDRM.

EKOM remains optimistic about the next financial year given its active participation in tender bids towards the second half of the year in review.

## SIDIC Technology Sdn Bhd (SIDIC)

SIDIC, the Group's newest addition to its stable since February 2002 brings EDARAN closer to its goal of becoming a total technology solutions provider. Its principle activities revolve around developing, innovating and providing secure end-to-end smart solutions as well as integrating them into ICT applications.

Smart technologies over a short period of time, have evolved from smart cards to a range of smart devices, tags, readers, controllers as well as encryption and biometrics, all of which are revolutionising the development of smart solutions.

Its range of products are broadly categorised under three areas which include:

- Integrated Secure Solutions (ISS)
- Remote Management Solutions(RMS)
- Smart Lifestyle Solutions (SLS)

Combined, all three areas of services work towards providing customers with a secure, smart and efficient IT solutions infrastructure needed for today's growing e-business environment. More and more IT solutions are prioritising security of access control systems, efficient authentication of data, confidentiality and end-to-end security protection for both service providers and users.

Over the last financial year, SIDIC's focus has continued to be on the development and provision of better security in its smart solutions. And as organisations consolidate and merge, SIDIC has also perceptively focused on developing solutions that afford better automation capabilities so that businesses may achieve improvement in processes. SIDIC also recognises that businesses will increasingly need smart IT solutions that maximise efficiencies of shared resources .



Although SIDIC's services have impacted the private sector in the main, it has begun to position itself as one of the prime solutions provider within the government sector. Major achievements within the private sector include SIDIC's involvement in MyKad, the multi purpose card project initiated most recently by the Malaysian government. As the country continues to emphasise a K-economy, there is a growing trend of IT driven government projects such as the development of smart campuses, intelligent buildings and kiosks. SIDIC recognises good potential in such an environment and aims to seek out opportunities to introduce its innovative services.



## Elitemac Resources Sdn Bhd (EMAC)

## Edaran Communications Sdn Bhd (ECOMM)

31

EDARAN DIGITAL SYSTEMS BERHAD

EMAC is principally an investment holding and service company that specialises in the provisioning, installation, commissioning and maintenance of power supply equipment for the telecommunications sector. In addition, EMAC provides consultancy services and training on power systems requirement.

ECOMM, in turn is a wholly owned subsidiary of EMAC that focuses on the provisioning, installation, commissioning, integration and maintenance of telecommunication equipment and related services.

Between EMAC and ECOMM, they have made impactful inroads into the telecommunications sector and garnered extensive expertise and experience in the provisioning, commissioning and maintenance of telecommunications related equipment and systems.

There has been considerable shifts and changes within the domestic telecommunications scene over the past 12 to 18 months. While the sector saw substantial consolidation of telecommunication services providers, the sector has also seen the entrance of new service providers such as Atlas One, Asia Space.Com and MITV. These newcomers signal the growing broadband and internet market.

Within this prevailing climate of change and as telecommunication companies reengineer and reinvent themselves post their merger exercises, EMAC and ECOMM will continue to seek opportunities to offer their services. The company will also leverage the close working relationships established over the years with major equipment vendors like Ericsson, Siemens, HP and IBM who will continue to be actively involved in the major telecommunication companies, to seek out new business opportunities in the changing environment.

As market dynamics begin to reshape the telecommunications sector, EMAC and ECOMM has also begun to review its business strategy to maximize opportunities within this sector. That includes tapping cross selling opportunities within the EDARAN Group; mainly EKOM and SIDIC.



## TINJAUAN OPERASI

Tahun kewangan Edaran Digital Systems Berhad (EDARAN) yang lepas, sebahagian besarnya merupakan tempoh penyatuan. Apa yang dijadikan sandaran strategi untuk mengukuh dan mengembangkan syarikat adalah tumpuan lebih kepada perniagaan terasnya - penyatuan sistem dan pembangunan penyelesaian pintar yang inovatif (SIDIC). Teknologi SIDIC, entiti operasi terbaru EDARAN terus menunjukkan potensi dalam menyatu teknologi-teknologi pintar dalam aplikasi-aplikasi ICT yang berkembang.

### Edaran Komputer Sdn Bhd (EKOM)

EKOM merupakan penyedia penyelesaian dan perkhidmatan IT yang menumpukan kepada pelaksanaan dan penyelenggaraan sistem komputer. Kegiatan perniagaan teras adalah penyatuan sistem dan kelebihan bersaing bergantung kepada kefahaman mendalam terhadap keperluan pelanggan yang berkehendakkan perkhidmatan cekap dalam mengendalikan sistem IT mereka yang kompleks. Sehubungan itu, syarikat perlu mengekalkan rekod pencapaian dalam menyediakan bimbingan yang baik dan membantu pelanggan dalam pemilihan penyelesaian dan produk IT.

EKOM telah membekalkan dan memasang serangkaian luas produk termasuk sistem kerangka utama (*main frame*), pelayan (*servers*), komputer peribadi dan produk pencetak. EKOM telah bekerja bersama dan juga menjadi wakil produk keluaran pembekal-pembekal utama antaranya termasuk NEC, IBM, Hewlett Packard, Fujitsu, Sun, Microsoft, Oracle, Cisco dan Novell.

EKOM telah berupaya mengekalkan pertumbuhannya sepanjang tahun kewangan lalu melalui projek jangka panjang dan memperoleh jualan berjumlah RM40 juta meskipun terdapat kesan negatif yang timbul daripada perang Iraq dan wabak SARS ke atas industri ICT tempatan.

Syarikat telah melaksanakan projek pemasangan peralatan dan aplikasi perkhidmatan Kastam Diraja Malaysia (KDRM) Fasa III dengan pesat dan fasa yang terakhir ini dijangka selesai pada bulan Oktober 2003. Dengan fasa berkenaan, KDRM akan siap pelaksanaan peringkat nasionalnya 'Sistem Perkastaman', 'Sistem Pencegahan' dan 'Sistem Cukai Dalam' di setiap pintu masuk dan di pejabat-pejabatnya di Lembah Klang. Projek KDRM mempunyai jumlah nilai jualan sebanyak RM156 juta tetapi apa yang lebih penting adalah peranan EKOM dalam menyumbang kepada kecekapan dan kemajuan sebuah agensi kerajaan yang penting.

KDRM merupakan antara pelanggan penting yang perkhidmatan juga dikendalikan dengan jayanya oleh EKOM selain UiTM, Kementerian Pendidikan, Tenaga Nasional Berhad, Jabatan Keselamatan & Kesihatan Pekerja, Perbadanan Perpustakaan Awam Melaka dan Perbadanan Sumber Manusia Berhad.

Penyelenggaraan merupakan perkhidmatan yang penting dan kritikal yang disediakan oleh EKOM yang mana Syarikat telah memperoleh beberapa pembaharuan kontrak penyelenggaraan dari Jabatan Perdana Menteri, Jabatan Kimia, Majlis Bandaraya Shah Alam dan Majlis Perbandaran Kuantan. EKOM, baru-baru ini telah meraih kontrak penyelenggaraan KDRM bagi seluruh negara bernilai RM31 juta.

EKOM tetap optimistik terhadap pencapaiannya pada tahun kewangan akan datang berdasarkan penyertaannya yang aktif dalam bida-bida tender bagi tempoh setengah tahun kedua dalam kajian.

## SIDIC Technology Sdn Bhd (SIDIC)

SIDIC, merupakan syarikat terbaru di bawah Kumpulan sejak bulan Februari 2002 yang menjadikan EDARAN semakin hampir kepada matlamatnya untuk menjadi penyedia penyelesaian teknologi menyeluruh. Kegiatan utamanya berlegar di sekitar memajukan, melaksanakan pembaharuan (innovating) dan menyediakan penyelesaian pintar yang terjamin sepenuhnya (end-to-end) dan juga menyatukannya dengan aplikasi-aplikasi ICT.

Teknologi-teknologi pintar dalam masa yang singkat telah berkembang daripada kad pintar kepada serangkaian peranti pintar, label, 'readers', dan 'controller' dan juga inkripsi (encryption) dan biometrik, kesemuanya merupakan penyelesaian pintar yang terhasil daripada proses revolusi.

Rangkaian produk-produknya dikategorikan secara menyeluruh di bawah tiga bidang termasuk:

- Penyelesaian Terjamin Bersepadu (ISS)
- Penyelesaian Pengurusan Terasing (RMS)
- Penyelesaian Gaya Hidup Pintar (SLKS)

Kesemua tiga bidang kerja ini mampu menyediakan infrastruktur penyelesaian IT yang terjamin, pintar dan cekap bagi persekitaran pertumbuhan 'e-business' atau e-niaga masa kini. Kini semakin banyak penyelesaian IT menjadi keutamaan dalam keselamatan sistem kawalan akses, kecekapan mengesahkan kesahihan data, kerahsiaan dan perlindungan sekuriti sepenuhnya (end-to-end) bagi kedua-dua para penyedia perkhidmatan dan pengguna.

Sepanjang tahun kewangan yang lalu, SIDIC terus menumpukan kepada pembangunan dan peruntukan keselamatan lebih baik dalam penyelesaian pintarnya. Sebagai sesebuah organisasi dalam proses penyatuan dan penggabungan operasinya, SIDIC menumpukan kepada pembangunan penyelesaian yang mampu memudahkan keupayaan-keupayaan automasi supaya dapat memajukan tahap proses dalam perniagaan. SIDIC juga menyedari bahawa terdapat peningkatan dalam keperluan penyelesaian IT yang pintar dalam perniagaan yang mampu memaksimumkan kecekapan perkongsian sumber.

Meskipun perkhidmatan SIDIC telah memberi kesan kepada sektor swasta, ia juga mulai menempatkan diri di antara penyedia penyelesaian utama dalam sektor kerajaan. Pencapaian terbesar dalam sektor swasta termasuk penglibatan SIDIC dalam MyKad, projek kad pelbagai guna yang dirintis oleh Kerajaan Malaysia baru-baru ini.



Memandangkan negara terus menekankan kepada K-ekonomi, terdapat peningkatan dalam pelaksanaan projek-projek kerajaan berteraskan penggunaan IT seperti pembangunan kampus-kampus pintar, bangunan pintar dan kiosk. SIDIC menyedari terdapat potensi baik dalam persekitaran berkenaan dan menyasar usaha mencari peluang-peluang untuk memperkenalkan perkhidmatan-perkhidmatan pembaharuannya.



## Elitemac Resources Sdn Bhd (EMAC)

## Edaran Communications Sdn Bhd (ECOMM)

EMAC merupakan syarikat pegangan pelaburan dan juga syarikat perkhidmatan khusus dalam penyediaan, pemasangan, pentauliahan dan penyelenggaraan peralatan pembekalan kuasa dalam sektor telekomunikasi. EMAC, juga menyediakan perkhidmatan perundingan dan latihan dalam keperluan dalam sistem kuasa.

ECOMM, pula merupakan anak syarikat milik penuh EMAC yang menumpukan kepada penyediaan, pemasangan, pentauliahan, integrasi dan penyelenggaraan peralatan telekomunikasi dan perkhidmatan yang berkaitan.

EMAC dan ECOMM telah memberikan kesan besar dalam sektor telekomunikasi dan dapat mengumpulkan kepakaran dan pengalaman yang luas dalam penyediaan, pentauliahan dan penyelenggaraan sistem dan peralatan telekomunikasi.

Terdapat banyak perubahan dalam sektor telekomunikasi domestik sepanjang 12 hingga 18 bulan yang lalu. Sektor tersebut yang mengalami penyatuan para penyedia perkhidmatan telekomunikasi dan juga menyaksikan kemasukan penyedia perkhidmatan yang baru seperti Atlas One, Asia Space.Com dan MITV. Kehadiran pendatang-pendatang baru menandakan pertumbuhan dalam pasaran jalur lebar (broadband) dan internet.

Dalam persekitaran yang sedang berubah dan syarikat-syarikat telekomunikasi sedang mengatur dan membentuk semula operasi selepas proses penggabungan, EMAC dan ECOMM akan terus mencari peluang-peluang untuk menawar perkhidmatan mereka. Syarikat itu juga akan menggunakan hubungan kerja erat yang terjalin dalam tahun-tahun sebelumnya dengan penjual peralatan utama seperti Ericsson, Siemens, HP dan IBM untuk terus melibatkan dengan aktif dalam syarikat-syarikat telekomunikasi utama di dalam meraih peluang-peluang perniagaan baru dalam persekitaran yang berubah.

Ketika sektor telekomunikasi dibentuk semula oleh kewujudan pasaran yang dinamik, EMAC dan ECOMM turut mulai mengkaji strategi perniagaan untuk memaksimumkan peluang-peluang dalam sektor berkenaan. Ianya termasuk mengaut peluang daripada penjualan bersilang dalam Kumpulan EDARAN; terutamanya EKOM dan SIDIC.




## HUMAN RESOURCES

The Group has a total of 84 staff members as at June 2003 (138 in 2002), serving at the following offices of EDARAN:

- Desa Pandan (Head Office);
- Sungai Petani (Northern Region);
- Kuantan (Eastern Region);
- Johor Bahru (Southern Region);
- Kuching (Sarawak);
- Kota Kinabalu (Sabah);
- Putrajaya and KLIA Sepang (Other sites).

The breakdown of personnel as at June 2003 was as follows:



### MANAGEMENT

Mohd Salleh Lamsah retired as the Managing Director on 30 June 2003 after serving the Group for more than 15 years.

In the interim, the Chairman of the Risk Management Committee and the Executive Director will manage the Group until the Board decides otherwise.

### TRAINING & DEVELOPMENT


For the period July 2002 to June 2003, a total of 359 training days have been recorded, translating to an average of 4.27 days per employee. This accounts for both technical and non-technical trainings organised inside and outside Malaysia.

## SUMBER MANUSIA

Kumpulan ini mempunyai seramai 84 orang kakitangan pada Jun 2003 (138 pada 2002), yang sedang memberi perkhidmatan di pejabat-pejabat EDARAN yang berikut:

- Desa Pandan (Ibu Pejabat);
- Sungai Petani (Kawasan Utara);
- Kuantan (Kawasan Timur);
- Johor Bahru (Kawasan Selatan);
- Kuching (Sarawak);
- Kota Kinabalu (Sabah);
- Putrajaya and KLIA Sepang (Lain-lain tempat).

Pecahan kakitangan pada Jun 2003 adalah seperti berikut:



### PENGURUSAN

Mohd Salleh Lamsah telah bersara dari jawatan Pengarah Urusan Kumpulan pada 30 Jun 2003 setelah berkhidmat lebih daripada 15 tahun di dalam Kumpulan. Sementara itu, Pengerusi Jawatankuasa Pengurusan Risiko dan Pengarah Eksekutif Kumpulan akan menerajui pengurusan kumpulan sehingga Lembaga mengambil keputusan lain.

### LATIHAN & PEMBANGUNAN

Dari Julai 2002 hingga Jun 2003, sejumlah 359 hari latihan telah dijalankan dan puratanya adalah 4.27 hari bagi setiap pekerja. Ini mengambilkira latihan teknikal dan bukan teknikal yang diadakan di dalam dan di luar negara.

## Edaran Komputer Issues Commercial Papers of RM100 Million

**29 August 2002**

Edaran Komputer Sdn Bhd entered into agreements with the Facility Agent and Underwriters, Malaysian International Merchant Bankers Berhad (MIMB) and Affin Discount Berhad on 29 August 2002 to issue RM100,000,000 Murabahah Medium Term Notes and Murabahah Commercial Papers.

The funds were utilised to finance selected Government projects undertaken by Edaran Komputer Sdn Bhd.

■ *Guest of Honour, Tan Sri Dato' Abdul Halil Mutalib, the Director General of Royal Malaysian Customs witnessing the signing of the agreement. MIMB was represented by Dr Sheikh Awab Sheikh Abod, Affin Discount Berhad by Wan Kamarul Zaman Wan Yaacob and EDARAN by Managing Director Encik Mohd Salleh Lamsah.*



■ *Tetamu Kehormat, Ketua Pengarah Kastam Diraja Malaysia Tan Sri Dato' Abdul Halil Mutalib, sedang menyaksikan pemeterian perjanjian. MIMB diwakili oleh Dr Sheikh Awab Sheikh Abod, Affin Discount Berhad oleh Wan Kamarul Zaman Wan Yaacob dan Edaran oleh Pengarah Urusannya, Encik Mohd Salleh Lamsah.*

## Edaran Komputer Menerbitkan RM100 Juta Kertas Komersial

**29 Ogos 2002**

Edaran Komputer Sdn Bhd telah memeterai perjanjian dengan agen kemudahan dan penaja jamin, Malaysian International Merchant Bankers Berhad (MIMB) dan Affin Discount Berhad pada 29 Ogos 2002 untuk menerbitkan Kertas Komersial dan Nota Berjangka Sederhana Murabahah bernilai RM100,000,000.

Dana itu digunakan untuk membiayai projek-projek Kerajaan terpilih yang dikendalikan oleh Edaran Komputer Sdn Bhd.



## Pertandingan Golf 'Diraja' di UiTM

**2 & 3 September 2002**

Edaran Komputer telah menyertai Pertandingan Golf Antara Universiti Yang Ke 30 pada 2 dan 3 September 2002, anjuran Universiti Teknologi MARA (UiTM) dengan menaja hadiah-hadiah dan cenderamata. Para peserta pertandingan termasuk Tetamu Kehormat Diraja, DYMM Seri Paduka Baginda Yang Dipertuan Agong, Tuanku Syed Sirajuddin Ibni Almarhum Tuanku Syed Putra Jamalullail.

## 'Royal' Golf Tournament at UiTM

**2 & 3 September 2002**

Edaran Komputer Sdn Bhd participated in the 30th Inter-Varsity Golf Tournament on 2 and 3 September 2002, organized by University of Technology MARA (UiTM) through a sponsorship of prizes and gifts. Players included no less than Royal-Guest-of-Honour, DYMM Seri Paduka Baginda Yang Dipertuan Agong, Tuanku Syed Sirajuddin Ibni Almarhum Tuanku Syed Putra Jamalullail.

■ *DYMM Tuanku Syed Sirajuddin Jamalullail on his way to the tee-off point.*

■ *DYMM Tuanku Syed Sirajuddin Jamalullail berangkat ke tempat 'tee-off'.*

## SIDIC Launches Smart Card

**16 October 2002**

What better starting point than home base for SIDIC's new smart card? SIDIC's latest smart product was officially launched on 16 October 2002. All EDARAN employees were issued with their personalised smart card that provided authorised access to the offices. SIDIC has since successfully marketed this product to several organisations.



■ The Management and staff proudly displaying their SIDIC smart cards after the official product launch.

## SIDIC Melancarkan Kad Pintar

**16 Oktober 2002**

Produk pintar terbaru SIDIC telah dilancarkan secara rasminya pada 16 Oktober 2002. Kesemua pekerja EDARAN telah diberikan kad pintar peribadi masing-masing untuk memberikan akses masuk dalam pejabat. SIDIC, sejak itu telah berjaya memasarkan produk berkenaan kepada beberapa organisasi.

■ Pihak pengurusan dan pekerja EDARAN dengan bangganya menunjukkan kad pintar SIDIC masing-masing selepas pelancaran rasmi produk itu.

## Harmony and Team Building

**29 September 2002**

Members of the staff took a break from the office on 29 September 2002 to foster greater harmony and better team spirit not only among themselves but also with their families. The rejuvenating surroundings of the Forest Reserve Institute of Malaysia (FRIM) provided an ideal venue for the day.



## Harmoni dan Semangat Berpasukan

**29 September 2002**

Kakitangan 'berehat' daripada kerja-kerja harian mereka pada 29 September 2002 untuk meningkatkan lagi keharmonian dan semangat berpasukan bukan hanya di kalangan mereka tetapi juga bersama keluarga masing-masing.

Keadaan persekitaran Institut Kajian Hutan Malaysia (FRIM) yang kehijauan dan menyegarkan menawar tempat yang paling ideal untuk hari itu.



## EDARAN's Tenth Annual General Meeting

**17 December 2002**

The Company's 10th AGM was successfully held on 17 December 2002 at Istana Hotel, Kuala Lumpur. All resolutions were carried by the shareholders.

## Mesyuarat Agung Tahunan EDARAN Yang Ke-10

**17 Disember 2002**

Mesyuarat Agung Tahunan Syarikat Yang Ke-10, bertempat di Hotel Istana Kuala Lumpur, telah berlangsung dengan sempurna pada 17 Disember, 2003. Semua resolusi telah diluluskan oleh para pemegang saham.

## SIDIC Technology at INTAN Exhibition

**6 January 2003**

SIDIC Technology Sdn Bhd had the opportunity to display its products and capabilities at an exhibition organised by INTAN in conjunction with the opening of its new building, IMATEC which was officiated by the Prime Minister, YAB Dato' Seri Dr. Mahathir Mohamad on 6 January 2003.



■ *SIDIC Technology's General Manager, Encik Hamzah Ismail, briefing the Prime Minister about the Knowledge Information Organiser (KIO), an auto receptionist system.*



■ *Pengurus Besar SIDIC Teknologi, Encik Hamzah Ismail, memberikan penjelasan kepada Perdana Menteri tentang Pengurus Maklumat Pengetahuan (KIO), sebuah sistem penyambut tamu automatik.*

## SIDIC Technology di Pameran INTAN

**6 Januari 2003**

SIDIC Technology Sdn Bhd berpeluang mempamerkan produk-produk dan keupayaannya di sebuah pameran anjuran INTAN sempena pembukaan rasmi bangunan baru IMATEC oleh Perdana Menteri, YAB Dato' Seri Dr. Mahathir Mohamad pada 6 Januari 2003.

## EDARAN Right Sizes for Growth

**January 2003**

In January 2003, the Group offered a Voluntary Separation Scheme company wide, in an effort to increase the productivity of the Company. The separation programme was a first for the Company and was successfully and smoothly completed. 35 per cent of the employees opted for the scheme.

## EDARAN Menyusun Saiz Operasi

**Januari 2003**

Pada Januari 2003, Kumpulan telah menawarkan Skim Pemberhentian Sukarela secara menyeluruh untuk meningkatkan produktiviti EDARAN. Program pemberhentian ini yang pertama kali diadakan, berjaya mencapai matlamat dan berjalan lancar. Sejumlah 35 peratus daripada pekerja-pekerja Syarikat telah menyertai skim itu.

## KDRM - EDARAN Golf Challenge

**13 April 2003**

The Company organised a friendly golf challenge with Kastam Diraja Malaysia at Tropicana Golf & Country Club on 13 April 2003.

## Pertandingan Golf KDRM - EDARAN

**13 April 2003**

Syarikat telah menganjurkan Pertandingan Golf Persahabatan dengan Kastam Diraja Malaysia di Tropicana Golf & Country Club pada 13 April 2003.

## Recognition of Capabilities

**15 April 2003**

SIDIC Technology received a vote of confidence when it was selected by INTAN on 15 April 2003 to be on the panel of trainers for the Malaysian Technical Cooperation Programme(MTCP). The month long training programme included a visit to the premises of SIDIC.

## Pengiktirafan Keupayaan

**15 April 2003**

SIDIC Technology telah diberikan pengiktirafan apabila ia dipilih oleh INTAN pada 15 April 2003 untuk menyertai panel pelatih-pelatih Program Kerjasama Teknikal Malaysia (MTCP). Program latihan selama sebulan meliputi lawatan ke premis SIDIC.

## Edaran Komputer Receives NEC Award

**31 May 2003**

Edaran Komputer Sdn Bhd was presented a Special Project Recognition Award by NEC Computers Malaysia Sdn Bhd at the latter's Annual Achievers' Nite on 31 May 2003. Edaran Komputer was among the 11 companies which received awards in appreciation of their commitment and support in delivering NEC solutions to the local market.

## Edaran Komputer Menerima Anugerah NEC

**31 Mei 2003**

Edaran Komputer Sdn Bhd telah diberi Anugerah Pengiktirafan Projek Khas oleh NEC Computers Malaysia Sdn Bhd di Malam Pencapai Tahunan NEC pada 31 Mei 2003. Edaran Komputer adalah di antara 11 syarikat-syarikat yang telah menerima anugerah sebagai penghargaan terhadap komitmen dan sokongan dalam mempromosikan penyelesaian NEC ke pasaran tempatan.



**Financial Highlights**  
*Maklumat Kewangan*

## 2003 FINANCIAL HIGHLIGHTS

### GROUP FIVE YEARS FINANCIAL DATA

	2003 (RM'000)	2002 (RM'000)	2001 (RM'000)	2000 (RM'000)	1999 (RM'000)
<b>INCOME STATEMENT</b>					
Revenue	197,056	175,089	116,931	87,308	123,684
(Loss)/Profit before interest, depreciation and taxation	(31,242)	24,186	20,812	19,181	18,069
Depreciation	(1,698)	(1,835)	(1,260)	(1,597)	(1,515)
Interest	(3,992)	(1,361)	(2,686)	(3,135)	(4,031)
(Loss)/Profit before taxation	(36,932)	20,990	16,866	14,449	12,523
Taxation	(1,076)	(5,853)	(5,173)	(4,684)	(227)
Profit after taxation	(38,008)	15,137	11,693	9,765	12,296
(Loss)/Gross Earnings per share (sen)	(61.55)*	34.98*	39.15**	44.37*	38.46*
(Loss) Net Earnings per share (sen)	(63.35)*	25.23*	27.14**	29.99*	37.76*
Net Dividend per share (sen)	-	7.50	7.20	-	-

### BALANCE SHEET

Shareholders' Funds	55,330	97,838	87,647	41,295	N/A
Paid-Up Share Capital	60,000	60,000	60,000	32,564	N/A
Net Tangible Assets	55,330	97,838	87,647	41,295	N/A
We conducted our audit in accordance with applicable Approved Standards on Auditing in Malaysia. Those standards require that we plan and perform the audit to obtain reasonable assurance about whether the financial statements are free of material misstatement. An audit includes examining, on a test basis, evidence supporting the amounts and disclosures in the financial statements. An audit also includes assessing the accounting principals used and significant estimates made by the Directors, as well as evaluating the overall presentation of the financial statements. We believe that our audit provides a reasonable basis for our opinion.

In our opinion:

- (a) the financial statements have been properly drawn up in accordance with the provisions of the Companies Act, 1965 and applicable Approved Accounting Standards in Malaysia so as to give a true and fair view of:
  - (i) the financial position of the Group and of the Company as at 30 June 2003 and of the results and the cash flows of the Group and of the Company for the year then ended; and
  - (ii) the matters required by Section 169 of the Companies Act, 1965 to be dealt with in the financial statements; and
- (b) the accounting and other records and the registers required by the Act to be kept by the Company and by its subsidiaries of which we have acted as auditors have been properly kept in accordance with the provisions of the Act.

We have considered the financial statements and the auditors' reports thereon of the subsidiaries of which we have not acted as auditors, as indicated in Note 10 to the financial statements, being financial statements that have been included in the consolidated financial statements.

We are satisfied that the financial statements of the subsidiaries that have been consolidated with the financial statements of the Company are in form and content appropriate and proper for the purposes of the preparation of the consolidated financial statements and we have received satisfactory information and explanations required by us for those purposes.

The auditors' reports on the financial statements of the subsidiaries were not subject to any qualification and did not include any comment required to be made under Section 174(3) of the Act.

**Ernst & Young**  
AF:0039  
*Chartered Accountants*

**Yap Seng Chong**  
2190/12/03(J)  
*Partner*

Kuala Lumpur, Malaysia  
28 October 2003

## Laporan Para Pengarah

Para pengarah membentangkan laporan mereka bersama-sama dengan penyata kewangan Kumpulan dan Syarikat yang telah diaudit bagi tahun kewangan berakhir 30 Jun 2003.

### KEGIATAN UTAMA

Aktiviti-aktiviti utama Syarikat adalah pemegangan pelaburan dan penyediaan perkhidmatan pengurusan.

Aktiviti-aktiviti utama subsidiari-subsidiari adalah seperti berikut :-

- pemegangan pelaburan;
- pembekalan, pemasangan, penjayaan dan penyelenggaraan kelengkapan bekalan kuasa bagi sistem telekomunikasi;
- pembekalan, pemasangan, penjayaan, penyepaduan dan penyelenggaraan kelengkapan telekomunikasi dan perkhidmatan yang berkaitan;
- pembekalan, pemasangan, penjayaan, penyepaduan dan penyelenggaraan keluaran teknologi maklumat dan perkhidmatan yang berkaitan;
- penyedia teknologi bagi industri teknologi pintar; dan
- penyedia teknologi bagi pusat integrasi maklumat.

Tiada sebarang perubahan ketara dalam kegiatan utama di sepanjang tahun kewangan selain daripada sebuah subsidiari, MIDC Technology Sdn Bhd, menghentikan sementara operasi sebagai penyedia teknologi bagi pusat integrasi maklumat dalam tahun kewangan.

### KEPUTUSAN

	Kumpulan RM	Syarikat RM
Kerugian bagi tahun	(38,008,167)	(12,127,183)

Tiada sebarang pindahan ketara kepada atau daripada akaun rizab atau peruntukan sepanjang tahun kewangan selain daripada yang dinyatakan dalam nota-nota kepada penyata kewangan.

Pada pendapat para Pengarah, keputusan operasi Kumpulan dan Syarikat dalam tahun kewangan tidak banyak dipengaruhi dengan berkesan oleh sebarang perkara, urusanniaga atau peristiwa yang ketara dan luar biasa selain dari:

- (a) kesan daripada kerugian kerosotan dalam pelaburan dalam subsidiari sebanyak RM 11,163,474 seperti dinyatakan dalam nota 4 dan nota 10 kepada penyata kewangan; dan
- (b) kesan daripada peruntukan hutang ragu yang menyebabkan kerugian kepada Kumpulan sebanyak RM32,520,216 seperti dinyatakan dalam nota 4 kepada penyata kewangan.

### DIVIDEN

Jumlah dividen dibayar oleh Syarikat sejak 30 Jun 2002 adalah seperti berikut:

	RM
Berhubung dengan tahun kewangan berakhir 30 Jun 2002 sebagaimana dilaporkan dalam laporan para Pengarah tahun tersebut:	
Dividen akhir dikecualikan cukai sebanyak 7.5% dibayar pada 21 Januari 2003	4,500,000

Para Pengarah tidak mencadangkan apa-apa dividen bagi tahun kewangan semasa.

## PARA PENGARAH

Nama para Pengarah Syarikat yang memegang jawatan semenjak tarikh laporan yang lepas dan pada tarikh laporan ini ialah:-

Tan Sri Dato' Tajudin Ramli  
 Mohd Salleh Lamsah (bersara pada 21.10.2003)  
 Mohd Shu'aib Ishak  
 Dato' Abdul Halim Abdullah  
 Shaifubahrim Mohd Saleh  
 Bistaman Ramli  
 Dato' Idrus Zainol  
 Datuk Emam Mohd Haniff Emam Mohd Hussain

## MANFAAT PARA PENGARAH

Pada akhir atau sepanjang tempoh tahun kewangan, tiada sebarang perancangan yang Syarikat menjadi pihak, di mana Pengarah Syarikat memperoleh manfaat melalui perolehan saham atau debentur Syarikat atau sebarang badan korporat.

Sejak akhir tahun kewangan yang lalu, tiada Pengarah yang menerima atau berhak menerima manfaat (selain daripada manfaat yang termasuk dalam jumlah emolumen terkumpul yang telah diterima atau akan diterima oleh para Pengarah seperti dinyatakan dalam Nota 4 kepada penyata kewangan atau pendapatan tetap seorang kakitangan sepenuh masa Syarikat) berkenaan dengan kontrak dibuat oleh Syarikat atau syarikat yang berkaitan dengan Pengarah atau firma, di mana Pengarah berkenaan menjadi ahli, atau dengan syarikat di mana Pengarah mempunyai kepentingan kewangan yang ketara, selain dari yang dinyatakan dalam Nota 28 kepada penyata kewangan.

## KEPENTINGAN PARA PENGARAH

Menurut daftar pegangan saham para Pengarah, kepentingan para Pengarah yang memegang jawatan pada akhir tahun kewangan dalam saham-saham Syarikat dalam tahun kewangan adalah seperti berikut:

Nama Pengarah	Bilangan Saham Biasa bernilai RM1 sesaham			
	Pada 1.7.02	Dibeli Dalam tahun	Dijual	Pada 30.6.03
<b><i>Kepentingan Langsung</i></b>				
Mohd Salleh Lamsah	1,398,428	-	(212,000)	1,186,428
Mohd Shu'aib Ishak	1,421,428	-	-	1,421,428
Tan Sri Dato' Tajudin Ramli	2	-	-	2
Dato' Idrus Zainol	50,002	-	-	50,002
Shaifubahrim Mohd Saleh	30,000	-	-	30,000
<b><i>Kepentingan Tidak Langsung</i></b>				
Tan Sri Dato' Tajudin Ramli (Nota a)	15,769,440	-	-	15,769,440
Mohd Shu'aib Ishak (Nota b)	60,000	-	-	60,000

Nota a: Dianggap mempunyai kepentingan melalui pemegangan 95% kepentingan atau 4,750,000 saham dalam Kauthar Sdn Bhd yang memegang 15,769,440 saham di dalam Syarikat.

Nota b: Dianggap mempunyai kepentingan dalam saham-saham Syarikat yang didaftar di bawah nama ahli keluarga beliau.

Tan Sri Dato' Tajudin Ramli selaras dengan kepentingan beliau dalam saham-saham di dalam Syarikat juga dianggap berkepentingan dalam saham kesemua subsidiari sehingga tahap Syarikat mempunyai kepentingan.

Para Pengarah lain yang memegang jawatan pada akhir tahun kewangan tidak mempunyai sebarang kepentingan dalam saham-saham di dalam Syarikat atau syarikat yang berkaitan di sepanjang tahun kewangan.

**LAIN-LAIN MAKLUMAT BERKANUN**

- (a) Sebelum penyata kewangan dan lembaran imbangan Kumpulan dan Syarikat disediakan, para Pengarah telah mengambil langkah-langkah yang sewajarnya:-
- (i) untuk memastikan bahawa tindakan sewajarnya telah diambil berhubung dengan penghapusan kiraan hutang lapuk dan telah membuat peruntukan bagi hutang ragu dan berpuashati bahawa sebarang hutang lapuk yang diketahui telah dihapusira dan peruntukan yang memadai telah dibuat bagi hutang ragu; dan
  - (ii) untuk memastikan bahawa sebarang aset semasa yang mungkin tidak dapat direalisasikan nilai yang dinyatakan dalam rekod-rekod perakaunan melalui urusan perniagaan biasa telah dikurangkan nilainya kepada hasilaku yang dianggap boleh diperolehi.
- (b) Pada tarikh laporan ini, para Pengarah tidak mengetahui tentang sebarang keadaan yang boleh mengakibatkan:
- (i) sebarang jumlah dihapusira sebagai hutang lapuk atau jumlah yang diperuntukkan bagi hutang ragu tidak memadai secara ketara; dan
  - (ii) nilai aset semasa di dalam penyata kewangan Kumpulan dan Syarikat mengelirukan.
- (c) Pada tarikh laporan ini, para Pengarah tidak mengetahui tentang sebarang keadaan berbangkit yang boleh menjadikan kepatuhan kepada kaedah penilaian yang sedia ada bagi penilaian aset atau liabiliti Kumpulan dan Syarikat mengelirukan atau tidak sesuai.
- (d) Pada tarikh laporan ini, para Pengarah tidak mengetahui tentang sebarang keadaan yang tidak dinyatakan di dalam laporan ini atau penyata kewangan Kumpulan dan Syarikat yang akan menyebabkan mana-mana jumlah yang dinyatakan di dalam penyata kewangan mengelirukan.
- (e) Pada tarikh laporan ini, tidak wujud:-
- (i) sebarang tindihmilik ke atas aset Kumpulan dan Syarikat yang timbul sejak akhir tahun kewangan yang menjamin liabiliti mana-mana pihak lain; atau
  - (ii) sebarang liabiliti luarjangka Kumpulan dan Syarikat yang timbul sejak akhir tahun kewangan.
- (f) Pada pendapat para Pengarah:-
- (i) tiada liabiliti luarjangka atau lain-lain liabiliti yang telah dikuatkuasakan atau berkemungkinan dikuatkuasakan dalam tempoh dua belas bulan dari akhir tahun kewangan, yang akan atau mungkin menjejaskan keupayaan Kumpulan dan Syarikat untuk melaksanakan kewajibannya apabila tiba masanya kelak; dan
  - (ii) tiada perkara, urusanniaga atau peristiwa yang ketara dan luar biasa yang timbul di dalam jangka masa di antara akhir tahun kewangan dan tarikh laporan ini, yang mungkin menjejaskan secara ketara keputusan-keputusan operasi Kumpulan dan Syarikat bagi tahun kewangan di mana laporan ini dibuat.

**LAIN-LAIN PERISTIWA PENTING**

Peristiwa-peristiwa penting sepanjang tahun kewangan dinyatakan dalam Nota 29 kepada penyata kewangan.

**JURUAUDIT**

Juruaudit, Ernst & Young, telah menyatakan kesanggupan mereka untuk meneruskan perkhidmatan.

Ditandatangani bagi pihak Lembaga  
menurut resolusi  
para Pengarah

**DATO' ABDUL HALIM ABDULLAH**

**BISTAMAM RAMLI**

Kuala Lumpur, Malaysia  
28 Oktober 2003

## Penyata Pendapatan bagi tahun berakhir 30 Jun 2003

	Nota	Kumpulan		Syarikat	
		2003 RM	2002 RM	2003 RM	2002 RM
Pendapatan	3	197,056,462	175,088,972	864,000	5,578,000
Kos Jualan		(179,521,674)	(142,087,086)	-	-
<b>Keuntungan Kasar</b>		<b>17,534,788</b>	<b>33,001,886</b>	<b>864,000</b>	<b>5,578,000</b>
Pendapatan Operasi Lain		3,051,980	5,411,764	1,211,117	1,361,762
Perbelanjaan Pentadbiran		(14,525,626)	(9,629,012)	(2,296,856)	(1,837,343)
Perbelanjaan Operasi Lain		(39,001,063)	(6,433,348)	(11,686,044)	(464,022)
<b>(Kerugian)/Keuntungan dari Operasi</b>	4	<b>(32,939,921)</b>	<b>22,351,290</b>	<b>(11,907,783)</b>	<b>4,638,397</b>
Kos Kewangan	5	(3,992,149)	(1,360,796)	(7,579)	(9,315)
<b>(Kerugian)/Keuntungan sebelum Cukai</b>		<b>(36,932,070)</b>	<b>20,990,494</b>	<b>(11,915,362)</b>	<b>4,629,082</b>
Cukai	6	(1,076,097)	(5,853,264)	(211,821)	-
<b>(Kerugian)/Keuntungan selepas Cukai</b>		<b>(38,008,167)</b>	<b>15,137,230</b>	<b>(12,127,183)</b>	<b>4,629,082</b>
<b>(Kerugian)/Perolehan sesaham (sen)</b>	7	<b>(63.92)</b>	<b>25.23</b>	<b>-</b>	<b>-</b>
<b>Dividen sesaham (sen)</b>	8	<b>-</b>	<b>7.50</b>	<b>-</b>	<b>7.50</b>

Nota-nota yang disertakan merupakan sebahagian asas penyata kewangan.

# Lembaran Imbangan

pada 30 Jun 2003

	Nota	Kumpulan		Syarikat	
		2003 RM	2002 RM	2003 RM	2002 RM
<b>Aset Bukan Semasa</b>					
Hartanah, loji dan peralatan	9	24,179,244	16,565,277	478,305	441,693
Pelaburan dalam subsidiari- subsidiari	10	-	-	21,500,734	32,664,208
Pelaburan dalam syarikat bersekutu	11	237,080	314,161	-	-
Lain-lain pelaburan	12	102,002	355,211	-	-
		<b>24,518,326</b>	<b>17,234,649</b>	<b>21,979,039</b>	<b>33,105,901</b>
<b>Aset Semasa</b>					
Amaun terhutang dari pelanggan atas kontrak	13	10,431,306	9,489,985	-	-
Penghutang dagangan	14	82,223,262	180,127,188	-	-
Lain-lain penghutang	15	2,619,977	8,150,808	79,272	63,478
Cukai boleh diperolehi semula		4,049,186	587,676	125,270	206,975
Amaun terhutang dari subsidiari- subsidiari	16	-	-	33,850,817	34,404,812
Amaun terhutang dari syarikat bersekutu	17	5,904	183,375	-	-
Dividen akan diterima		-	-	-	4,750,000
Deposit di bank berlesen	18	28,185,995	12,822,339	-	-
Tunai dan baki bank		20,466,395	4,670,585	314,388	911,479
		<b>147,982,025</b>	<b>216,031,956</b>	<b>34,369,747</b>	<b>40,336,744</b>
<b>Liabiliti Semasa</b>					
Amaun terhutang kepada pelanggan kontrak	13	3,863,530	30,477,710	-	-
Pemiutang dagangan	19	32,205,184	69,029,181	-	-
Lain-lain pemiutang	20	1,684,202	1,087,524	150,144	596,898
Pinjaman	21	54,218,648	29,724,567	21,827	19,925
Cukai akan dibayar		-	2,713,458	-	-
		<b>91,971,564</b>	<b>133,032,440</b>	<b>171,971</b>	<b>616,823</b>
<b>Aset Semasa Bersih</b>		<b>56,010,461</b>	<b>82,999,516</b>	<b>34,197,776</b>	<b>39,719,921</b>
		<b>80,528,787</b>	<b>100,234,165</b>	<b>56,176,815</b>	<b>72,825,822</b>

## Lembaran Imbangan pada 30 Jun 2003 (samb.)

	Nota	Kumpulan		Syarikat	
		2003 RM	2002 RM	2003 RM	2002 RM
<b>Dibiayai oleh:</b>					
Modal saham	22	60,000,000	60,000,000	60,000,000	60,000,000
Premium saham		8,004,347	8,004,347	8,004,347	8,004,347
(Kerugian)/Keuntungan terkumpul		(12,674,226)	29,833,941	(11,877,594)	4,749,589
		<b>55,330,121</b>	<b>97,838,288</b>	<b>56,126,753</b>	<b>72,753,936</b>
Pinjaman	21	25,118,906	1,298,233	50,062	71,886
Liabiliti cukai tertunda	23	79,760	1,097,644	-	-
		<b>25,198,666</b>	<b>2,395,877</b>	<b>50,062</b>	<b>71,886</b>
		<b>80,538,787</b>	<b>100,234,165</b>	<b>56,176,815</b>	<b>72,825,822</b>

Nota-nota yang disertakan merupakan sebahagian asas penyata kewangan.

## Penyata Perubahan dalam Ekuiti Yang DiSatukan bagi tahun berakhir 30 Jun 2003

	Tidak boleh diagih		Boleh diagih	Jumlah RM	
	Nota	Modal saham RM	Premuim saham RM		Keuntungan / (kerugian) terkumpul RM
<b>Pada 1 Julai 2001</b>					
Seperti dinyatakan sebelumnya		60,000,000	8,004,347	19,642,355	87,646,702
Pelarasan bagi tahun sebelumnya	25	-	-	(625,644)	(625,644)
<b>Pada 1 Julai 2001 (dinyatakan semula)</b>		60,000,000	8,004,347	19,016,711	87,021,058
Keuntungan bagi tahun		-	-	15,137,230	15,137,230
Dividen		-	-	(4,320,000)	(4,320,000)
<b>Pada 30 Jun 2002</b>		60,000,000	8,004,347	29,833,941	97,838,288
<b>Pada 1 Julai 2002</b>		60,000,000	8,004,347	29,833,941	97,838,288
Kerugian bagi tahun		-	-	(38,008,167)	(38,008,167)
Dividen		-	-	(4,500,000)	(4,500,000)
<b>Pada 30 Jun 2003</b>		60,000,000	8,004,347	(12,674,226)	55,330,121

Nota-nota yang disertakan merupakan sebahagian asas penyata kewangan.

## Penyata Perubahan dalam Ekuiti bagi tahun berakhir 30 Jun 2003

	Tidak boleh diagih		Boleh diagih	Jumlah RM
	Modal saham RM	Premium saham RM	Keuntungan/(kerugian) terkumpul RM	
<b>Pada 1 Julai 2001</b>	60,000,000	8,004,347	4,440,507	72,444,854
Keuntungan bagi tahun	-	-	4,629,082	4,629,082
Dividen	-	-	(4,320,000)	(4,320,000)
<b>Pada 30 Jun 2002</b>	60,000,000	8,004,347	4,749,589	72,753,936
Kerugian tahunan	-	-	(12,127,183)	(12,127,183)
Dividen	-	-	(4,500,000)	(4,500,000)
<b>Pada 30 Jun 2003</b>	60,000,000	8,004,347	(11,877,594)	56,126,753

Nota-nota yang disertakan merupakan sebahagian asas penyata kewangan.

## Penyata Aliran Tunai bagi tahun berakhir 30 Jun 2003

	Kumpulan		Syarikat	
	2003	2002	2003	2002
Nota	RM	RM	RM	RM
<b>Aliran Tunai daripada Aktiviti Operasi</b>				
(Kerugian)/Keuntungan sebelum cukai	(36,932,070)	20,990,494	(11,915,362)	4,629,082
Pelarasan untuk :				
Susutnilai	1,697,888	1,834,716	141,030	62,398
Pendapatan dividen	(30,000)	(30,000)	-	(4,750,000)
Hutang lapuk dihapusira	182,000	-	-	-
Perbelanjaan faedah	3,992,149	1,360,796	7,579	9,315
Pendapatan faedah	(1,808,406)	(1,495,154)	(1,210,177)	(1,306,626)
Peruntukan bagi hutang ragu	(32,520,216)	-	-	-
Kerugian kerosotan	-	-	-	-
- pelaburan dalam subsidiari	-	-	11,163,474	-
- pelaburan dalam syarikat bersekutu	47,081	205,839	-	-
- lain-lain pelaburan	253,209	-	-	-
Hartanah, loji dan peralatan dihapusira	7,703	-	124	-
Keuntungan dari penjualan syarikat bersekutu	(870,000)	-	-	-
Kerugian/(keuntungan) dari penjualan hartanah, loji dan peralatan	2,583	(211,326)	2,583	-
(Kerugian)/keuntungan operasi sebelum perubahan modal kerja	(937,647)	22,655,365	(1,810,749)	(1,355,831)
Kurangan/(tambahan) dalam Penghutang				
(Tambahan)/kurangan dalam amaun terhutang dari pelanggan atas kontrak	(941,321)	3,449,756	-	-
(Kurangan)/tambahan dalam amaun terhutang kepada pelanggan atas kontrak	(26,614,180)	16,478,515	-	-
(Kurangan)/tambahan dalam pemiutang	(36,227,319)	12,722,935	(446,754)	558,238
Kurangan dalam amaun terhutang dari syarikat bersekutu	177,471	-	-	-
Tunai dihasilkan daripada/(diguna dalam) operasi	6,207,523	(31,352,952)	(2,255,319)	(851,422)
Faedah diterima	1,808,406	1,495,154	1,210,177	1,306,626
Faedah dibayar	(3,992,149)	(1,360,796)	(7,579)	(9,315)
Cukai pendapatan dibayar	(8,268,949)	(10,040,623)	(130,116)	(206,975)
Tunai bersih (diguna dalam)/dihasilkan daripada aktiviti operasi	(4,245,169)	(41,259,217)	(1,182,837)	238,914

## Penyata Aliran Tunai bagi tahun berakhir 30 Jun 2003 (samb.)

	Kumpulan		Syarikat	
	2003	2002	2003	2002
Nota	RM	RM	RM	RM
<b>Aliran Tunai daripada Aktiviti Pelaburan</b>				
Perolehan subsidiari-subsidiari (a)	-	-	-	(100,002)
Dividen diterima	30,000	30,000	4,750,000	-
Pembelian hartanah, loji dan peralatan (b)	(9,229,219)	(2,178,549)	(200,527)	(346,814)
Hasil daripada penjualan harta, loji dan peralatan	2,200	244,672	2,200	-
Hasil daripada penjualan syarikat bersekutu	900,000	-	-	-
Pembayaran balik dari/ (pendahuluan kepada) subsidiari	-	-	553,995	(2,277,766)
Tunai bersih (diguna dalam)/ dihasilkan dari aktiviti pelaburan	(8,297,019)	(1,903,877)	5,105,668	(2,724,582)
<b>Aliran Tunai daripada Aktiviti Pembiayaan</b>				
Pembayaran balik pemiutang sewa beli	(406,733)	(521,117)	(19,922)	(18,189)
Dividen dibayar	(4,500,000)	(4,320,000)	(4,500,000)	(4,320,000)
Pengeluaran pinjaman berjangka	5,000,000	-	-	-
Pembayaran balik pinjaman berjangka	(310,475)	-	-	-
Pengeluaran nota jangka sederhana Murabahah	20,000,000	-	-	-
Pengeluaran kertas komersial Murabahah	55,000,000	-	-	-
Pembayaran balik kertas komersial Murabahah	(15,000,000)	-	-	-
(Pembayaran balik)/pengeluaran penerimaan jurubank/resit amanah (Kurangan)/tambahan dalam deposit disandar sebagai cagaran dengan bank berlesen	(16,017,655)	11,649,779	-	-
Tunai bersih dihasilkan dari/(diguna dalam) aktiviti pembiayaan	31,561,840	31,055,031	(4,519,922)	(4,338,189)

## Penyata Aliran Tunai bagi tahun berakhir 30 Jun 2003 (samb.)

Nota	Kumpulan		Syarikat	
	2003 RM	2002 RM	2003 RM	2002 RM
<b>Tambahan/(Kurangan) Bersih dalam Tunai dan setara Tunai</b>	19,019,652	(12,108,063)	(597,091)	(6,823,857)
<b>Tunai dan setara Tunai pada Permulaan Tahun</b>	679,575	12,787,638	911,479	7,735,336
<b>Tunai dan setara Tunai pada Akhir Tahun</b>	(c) 19,699,227	679,575	314,388	911,479

(a) Kesan pemerolehan subsidiari-subsidiari, SIDIC Technology Sdn Bhd dan MIDC Technology Sdn Bhd pada 2002, tidak dinyatakan dalam penyata kewangan memandangkan pemerolehan tersebut tidak membawa apa-apa kesan ketara ke atas kedudukan dan keputusan kewangan Kumpulan.

(b) Tambahan dalam hartanah, loji dan peralatan telah dibeli melalui:-

Nota	Kumpulan		Syarikat	
	2003 RM	2002 RM	2003 RM	2002 RM
- Tunai	9,229,219	2,178,549	200,527	346,814
- Sewa beli	113,100	918,000	-	-
	9,342,319	3,096,549	200,527	346,814

(c) Tunai dan setara tunai terdiri daripada berikut:-

Overdraf bank (Nota 21)	(1,209,746)	(5,087,587)	-	-
Deposit dengan bank berlesen	28,185,995	12,822,339	-	-
Tunai dan baki bank	20,466,395	4,670,585	314,388	911,479
	47,442,644	12,405,337	314,388	911,479
Tolak: Deposit disandar sebagai cagaran dengan bank berlesen	(27,743,417)	(11,725,762)	-	-
	19,699,227	679,575	314,388	911,479

# Nota-Nota kepada Penyata Kewangan - 30 Jun 2003

## 1. Maklumat Korporat

Aktiviti-aktiviti utama Syarikat adalah pemegangan pelaburan dan penyediaan perkhidmatan pengurusan.

Aktiviti-aktiviti utama subsidiari adalah seperti berikut :-

- pemegangan pelaburan;
- pembekalan, pemasangan, penjayaan dan penyelenggaraan kelengkapan bekalan kuasa bagi sistem telekomunikasi;
- pembekalan, pemasangan, penjayaan, penyepaduan dan penyelenggaraan kelengkapan telekomunikasi dan perkhidmatan yang berkaitan;
- pembekalan, pemasangan, penjayaan, penyepaduan dan penyelenggaraan keluaran teknologi maklumat dan perkhidmatan yang berkaitan;
- penyedia teknologi untuk industri teknologi pintar; dan
- penyedia teknologi untuk pusat integrasi maklumat.

Tiada sebarang perubahan sifat ketara dalam aktiviti-aktiviti utama sepanjang tahun kewangan selain daripada sebuah subsidiari, MIDC Technology Sdn Bhd, menghentikan sementara operasi sebagai penyedia teknologi bagi pusat data bersepadu dalam tahun kewangan.

Syarikat adalah sebuah syarikat awam liabiliti berhad, diperbadankan dan bermastautin di Malaysia, serta disenaraikan di Papan Utama Bursa Saham Kuala Lumpur ("BSKL"). Pejabat berdaftar Syarikat adalah di Tingkat 8, Menara TR, 161B Jalan Ampang, 50450 Kuala Lumpur. Tempat perniagaan utama Syarikat adalah terletak di No. 32, Jalan 1/76C, Desa Pandan, 55100 Kuala Lumpur.

Bilangan kakitangan Kumpulan dan Syarikat pada akhir tahun kewangan masing-masing adalah seramai 84 (2002 : 138) dan 16 (2002 : 17).

Penyata kewangan telah dilulus oleh Lembaga Pengarah untuk diterbitkan menurut resolusi para Pengarah pada 23 Oktober 2003.

## 2. Dasar-dasar Perakaunan Penting

### (a) Asas Penyediaan

Penyata kewangan Kumpulan dan Syarikat telah disediakan menurut kelaziman kos sejarah kecuali bagi penilaian semula tanah pegangan pajakan dan bangunan termasuk di bawah hartanah, loji dan peralatan.

Penyata kewangan mematuhi peruntukan-peruntukan Akta Syarikat, 1965 dan Piawaian Perakaunan berkenaan yang diluluskan di Malaysia.

Dalam tahun kewangan berakhir 30 Jun 2003, Kumpulan dan Syarikat menerima pakai Piawaian Lembaga Piawaian Perakaunan Malaysia ("MASB") berikut buat pertama kalinya:

- MASB 22 Laporan Bersegmen
- MASB 23 Rosotnilai Aset-aset
- MASB 24 Instrumen Kewangan: Penyataan dan Pembentangan
- MASB 25 Cukai Pendapatan

Kesan-kesan daripada penerimaan pakai MASB 25 diringkaskan dalam Penyata Perubahan dalam Ekuiti dan maklumat selanjutnya dinyatakan dalam Nota 25 kepada penyata kewangan.

Penerimaan pakai Piawaian MASB 22, MASB 23 dan MASB 24 tidak membawa kepada apa-apa pelarasan kepada baki pembukuan keuntungan terkumpul tahun terdahulu dan semasa atau kepada perubahan dalam angka-angka perbandingan.

**(b) Asas Penyatuan**

Penyata kewangan disatukan termasuk penyata kewangan Syarikat dan kesemua subsidiari. Subsidiari-subsiadri adalah syarikat-syarikat di mana Kumpulan mempunyai kepentingan ekuiti jangka panjang dan di mana ia mempunyai kuasa untuk melaksanakan kawalan terhadap dasar-dasar kewangan dan operasi untuk mendapatkan manfaat daripada aktiviti syarikat-syarikat tersebut.

Semua subsidiari disatukan di mana sesuai menggunakan kaedah perakaunan pengambilan atau kaedah perakaunan percantuman.

Di bawah kaedah perakaunan pengambilan, keputusan kewangan subsidiari-subsiadri diambilalih atau dilupuskan di dalam tahun kewangan dimasukkan ke penyata kewangan disatukan dari tarikh kuatkuasa pengambilalihan atau sehingga tarikh kuatkuasa pelupusan, sebagaimana sesuai. Aset-aset dan liabiliti-liabiliti subsidiari dinilai pada nilai saksama pada tarikh pengambilalihan dan nilai-nilai ini dimasukkan dalam lembaran imbangan disatukan. Perbezaan antara kos pengambilalihan dan nilai saksama aset bersih bahagian Kumpulan ke atas subsidiari yang diambilalih pada tarikh pengambilalihan dimasukkan dalam lembaran imbangan disatukan sebagai muhibah atau muhibah negatif atas penyatuan.

Urusniaga, baki dan keuntungan belum terealisasi di antara Syarikat telah dihapuskan semasa penyatuan dan penyata kewangan disatukan hanya menggambarkan urusniaga dengan pihak ketiga sahaja. Kerugian belum terealisasi telah dihapuskan semasa penyatuan kecuali jika kos tersebut tidak dapat diambilkira kembali.

Keuntungan atau kerugian atas penjualan subsidiari adalah perbezaan di antara penerimaan penjualan bersih dan aset bersih bahagian Kumpulan beserta dengan sebarang baki muhibah yang belum dilunaskan dan perbezaan pertukaran yang tidak diiktiraf sebelumnya dalam penyata kewangan disatukan.

Pengambilalihan subsidiari-subsiadri yang memenuhi kriteria percantuman diakaunkan dengan menggunakan prinsip-prinsip perakaunan percantuman. Di mana kaedah percantuman digunakan, kos pelaburan dalam buku Syarikat direkodkan pada nilai nominal saham-saham diterbitkan dan perbezaan antara nilai penyimpanan pelaburan dan nilai nominal saham-saham diambilalih dianggap sebagai rizab percantuman atau defisit percantuman. Keputusan kewangan syarikat-syarikat yang telah dicantumkan dimasukkan seolah-olah percantuman telah berkuatkuasa sepanjang tahun kewangan semasa dan tahun kewangan sebelumnya.

**(c) Syarikat-syarikat Bersekutu**

Syarikat-syarikat bersekutu adalah syarikat-syarikat di mana Syarikat mempunyai kepentingan ekuiti jangka panjang dan di mana ia mempunyai pengaruh ketara ke atas dasar-dasar kewangan dan operasi.

Pelaburan dalam syarikat bersekutu diakaunkan dalam penyata kewangan disatukan menggunakan kaedah kos perakaunan. Keputusan kewangan syarikat-syarikat bersekutu tidak diakaun ekuitikan memandangkan para Pengarah berpendapat bahawa syarikat-syarikat bersekutu tidak dicadangkan untuk dipegang bagi jangka panjang. Butir-butir mengenai syarikat-syarikat bersekutu dan kesan ke atas penyata pendapatan dan pelaburan dalam syarikat-syarikat bersekutu sekiranya kaedah ekuiti telah digunakan dinyatakan dalam Nota 11.

**(d) Pelaburan dalam Subsidiari-subsiadri dan Syarikat-syarikat Bersekutu**

Pelaburan Syarikat dalam subsidiari-subsiadri dan syarikat-syarikat bersekutu dinyatakan pada kos tolak kerugian rosotnilai. Polisi bagi pengiktirafan dan pengiraan kerugian rosotnilai adalah selaras dengan Nota 2 (m).

Semasa penjualan pelaburan tersebut, perbezaan di antara amaun perolehan penjualan bersih dan amaun penyimpanannya diiktiraf dalam penyata pendapatan.

**(e) Hartanah, Loji dan Peralatan dan Susutnilai**

Hartanah, loji dan peralatan dinyatakan pada kos ditolak jumlah susutnilai terkumpul dan kerugian rosotnilai. Kos terdiri daripada kos pembelian dan sebarang kos sampingan pembelian. Polisi bagi pengiktirafan dan pengiraan kerugian rosotnilai adalah selaras dengan nota 2 (m).

Tanah pegangan pajakan dan bangunan dinyatakan pada nilai penilaian ditolak jumlah susutnilai terkumpul dan kerugian rosotnilai. Penilaian semula dibuat sekurang-kurangnya sekali dalam setiap lima tahun berdasarkan penilaian oleh jurunilai bebas atas dasar nilai pasaran terbuka. Mana-mana peningkatan penilaian semula dikreditkan kepada ekuiti sebagai lebihan penilaian semula, kecuali sehingga tahap bahawa ia menterbalikkan pengurangan penilaian semula bagi aset yang sama yang diiktiraf sebagai perbelanjaan sebelum ini, dalam hal ini peningkatan tersebut diiktiraf dalam penyata pendapatan sehingga tahap pengurangan diiktiraf sebelum ini. Pengurangan penilaian semula pada pertamanya dikurangkan terhadap peningkatan ke atas penilaian awal yang tidak digunakan berhubung dengan aset yang sama dan selepas itu diiktiraf sebagai perbelanjaan.

Selepas penjualan aset yang dinilai semula, lebihan penilaian semula boleh diagih yang masih ada dalam rizab penilaian semula dipindahkan kepada keuntungan terkumpul.

Tanah pegangan pajak disusutnilaikan sepanjang tempoh pajakan masing-masing dari 88 hingga 99 tahun. Kesemua hartanah, loji dan peralatan disusutnilaikan menurut kaedah garis lurus untuk menghapuskita kos setiap aset kepada nilai baki sepanjang tempoh hayat gunanya pada kadar tahunan berikut:-

	%
Bangunan	2
Perabot dan kelengkapan	20
Peralatan pejabat	20 - 33 $\frac{1}{3}$
Pengubahsuaian	20 - 33 $\frac{1}{3}$
Kenderaan bermotor	20
Perkakas peralatan	20
Peralatan gim	20

Berkuatkuasa dari tahun kewangan semasa, Kumpulan telah mengubah kadar susutnilai tahunan bagi peralatan pejabat daripada 20% kepada 20% - 33  $\frac{1}{3}$ % untuk menunjukkan lebih tepat anggaran hayat bergunanya. Kesan ke atas penyata kewangan oleh perubahan ini dalam anggaran perakaunan adalah tidak ketara.

Pada penjualan sesuatu hartanah, loji dan peralatan, perbezaan antara perolehan penjualan bersih dan nilai penyimpanan diiktiraf dalam penyata pendapatan dan bahagian tidak diguna lebihan penilaian semula dimasukkan terus ke dalam keuntungan terkumpul.

**(f) Kontrak Kerja Dalam Pelaksanaan**

Apabila hasil kontrak boleh ditaksirkan dengan sewajarnya, pendapatan kontrak dan kos kontrak diiktiraf sebagai hasil dan perbelanjaan masing-masing mengikut peringkat penyediaan kerja kontrak pada tarikh lembaran imbangan. Peringkat siap kerja diukur berdasarkan kepada bahagian kos kontrak yang telah diambilkita bagi kerja yang dilaksanakan sehingga kini ke atas jumlah anggaran kos kontrak.

Apabila hasil kontrak tidak dapat dianggarkan dengan sewajarnya, pendapatan kontrak diiktiraf setakat peringkat kos kontrak yang berkemungkinan diperolehi semula. Kos kontrak diiktiraf sebagai perbelanjaan dalam tempoh di mana ianya diambilkita. Apabila berkemungkinan jumlah kos kontrak melebihi jumlah pendapatan kontrak, anggaran kerugian diiktiraf sebagai perbelanjaan dengan serta-merta.

Apabila kos yang telah diambilkita dalam kontrak dicampur dengan keuntungan diiktiraf (ditolak dengan kerugian diiktiraf) melebihi bil progres, baki ditunjukkan sebagai amaun terhutang daripada pelanggan-pelanggan atas kontrak. Apabila bil progres melebihi kos yang telah diambilkita campur dengan keuntungan diiktiraf (ditolak dengan kerugian diiktiraf), baki ditunjukkan sebagai amaun terhutang kepada pelanggan-pelanggan atas kontrak.

**(g) Tunai dan Setara Tunai**

Bagi tujuan penyata aliran tunai, tunai dan setara tunai termasuk tunai di tangan dan di bank, deposit panggilan dan pelaburan berkecairan tinggi jangka pendek yang mempunyai risiko perubahan pada nilai yang tidak ketara, ditolak daripada overdraf bank belum jelas.

**(h) Pajak**

Pajak diiktiraf sebagai pajak kewangan sekiranya ia memindahkan kepada Kumpulan semua risiko dan manfaat akibat daripada hak milik. Kesemua pajak lain digolongkan sebagai pajak operasi.

**(i) Pajak kewangan**

Aset yang diperolehi secara sewa beli atau pajak kewangan dinyatakan pada amaun setara dengan nilai terendah di antara nilai saksama dan nilai semasa pembayaran pajak minimum pada permulaan pajak, ditolak jumlah susutnilai terkumpul dan kerugian rosotnilai. Liabiliti sepadan dinyatakan dalam lembaran imbangan sebagai pinjaman. Dalam mengira nilai semasa pembayaran pajak minimum, faktor diskaun yang telah digunakan adalah kadar faedah yang terkandung di dalam pajak, bila ia boleh ditentukan secara praktikal; jika tidak, peningkatan kadar pinjaman Kumpulan digunakan.

Bayaran pajak adalah diagihkan di antara kos kewangan dan pengurangan liabiliti belum jelas. Kos kewangan, yang mewakili perbezaan antara jumlah keseluruhan komitmen pajak dan nilai saksama aset yang dibeli, diiktiraf sebagai perbelanjaan dalam penyata pendapatan sepanjang tempoh pajak berkenaan untuk menghasilkan kadar faedah berkala yang tetap ke atas baki obligasi bagi setiap tempoh perakaunan.

Polisi susutnilai bagi aset pajak adalah selaras seperti polisi hartanah, loji dan peralatan bersusutnilai yang dinyatakan dalam Nota 2 (e).

**(ii) Pajak operasi**

Bayaran pajak operasi diiktiraf sebagai perbelanjaan dalam penyata pendapatan mengikut kaedah garis lurus sepanjang tempoh pajak berkaitan.

**(i) Peruntukan untuk liabiliti**

Peruntukan untuk liabiliti diiktiraf apabila Kumpulan mempunyai obligasi semasa hasil daripada peristiwa lepas dan kemungkinan terdapat aliran keluar sumber yang mengandungi manfaat ekonomi yang diperlukan untuk menyelesaikan obligasi tersebut, dan jumlah anggaran yang munasabah boleh dibuat. Peruntukan akan dikaji semula pada setiap tarikh lembaran imbangan dan diselaraskan untuk memberi anggaran semasa yang terbaik. Di mana kesan nilai masa kewangan adalah ketara, jumlah peruntukan adalah perbelanjaan yang dijangka perlu untuk menyelesaikan obligasi pada nilai sekarang.

**(j) Cukai Pendapatan**

Cukai pendapatan ke atas keuntungan atau kerugian bagi tahun semasa terdiri daripada cukai semasa dan tertunda. Cukai semasa adalah amaun dijangka cukai pendapatan perlu dibayar berhubung dengan keuntungan boleh dicukai bagi tahun semasa dan dikira mengikut kadar cukai yang telah digubalkan pada tarikh lembaran imbangan.

Cukai tertunda diperuntukkan, menurut kaedah liabiliti, ke atas perbezaan sementara pada tarikh lembaran imbangan antara asas cukai aset dan liabiliti dan amaun penyimpanan masing-masing dalam penyata kewangan. Pada dasarnya, liabiliti cukai tertunda diiktiraf bagi kesemua perbezaan sementara boleh dicukai dan aset cukai tertunda yang diiktiraf bagi kesemua perbezaan sementara boleh ditolak, kerugian cukai tidak diguna dan kredit cukai tidak diguna sehingga tahap berkemungkinan keuntungan boleh dicukai akan menjadi sedia terhadap mana-mana perbezaan sementara boleh ditolak, kerugian cukai tidak diguna dan kredit cukai tidak diguna boleh digunakan. Cukai tertunda tidak diiktiraf sekiranya perbezaan sementara timbul daripada muhibah atau muhibah negatif atau daripada pengiktirafan awal aset atau liabiliti dalam urusaniaga yang bukan dari penggabungan perniagaan dan pada tarikh urusaniaga, tidak menjejaskan samada keuntungan perakaunan ataupun keuntungan boleh dicukai.

Cukai tertunda dikira pada kadar cukai yang dijangka terpakai dalam tempoh di mana aset berkenaan direalisasikan atau liabiliti diselesaikan, berdasarkan kadar cukai yang telah digubal atau digubal sebahagian besarnya pada tarikh lembaran imbangan. Cukai tertunda diiktiraf dalam penyata pendapatan, kecuali apabila ia timbul daripada urusaniaga yang diiktiraf secara langsung di dalam ekuiti, dalam hal mana cukai tertunda juga dicajkan atau dikreditkan secara langsung di dalam ekuiti, atau apabila ia timbul daripada penggabungan perniagaan yang merupakan pengambilalihan, dalam hal mana cukai tertunda dimasukkan yang menghasilkan muhibah atau muhibah negatif.

Sebelum penerimaan pakai MASB 25 Cukai Pendapatan pada 1 Julai 2002, cukai tertunda telah diperuntukkan dengan menurut kaedah liabiliti untuk semua perbezaan masa penting dan cukai tertunda berhubung dengan penilaian semula aset tidak diiktiraf kecuali di mana Kumpulan mempunyai hasrat untuk melupuskan aset yang telah dinilai semula dalam masa tertentu. Perubahan dalam polisi perakaunan telah diakaunkan secara retrospektif dan kesan-kesan daripada perubahan ini dikemukakan dalam Nota 25.

**(k) Pengiktirafan Pendapatan**

Pendapatan diiktiraf apabila kemungkinan manfaat ekonomi berkaitan dengan urusanniaga akan mengalir kepada perusahaan dan amaun pendapatan boleh dikira dengan sewajarnya.

- (i) **Jualan barangan**  
Pendapatan berkaitan dengan jualan barangan diiktiraf selepas pindahan risiko dan manfaat.
- (ii) **Kerja-kerja Kontrak**  
Pendapatan daripada kerja-kerja kontrak diambilkira mengikut kaedah peringkat penyediaan kerja sebagaimana dinyatakan dalam Nota 2(f).
- (iii) **Pendapatan daripada perkhidmatan**  
Pendapatan daripada perkhidmatan diberikan diiktiraf bila dan apabila perkhidmatan dilaksanakan.
- (iv) **Pendapatan faedah**  
Pendapatan faedah diiktiraf atas dasar pengagihan masa yang mengaitkan hasil pendapatan efektif ke atas aset.
- (v) **Pendapatan sewa**  
Sewa diakaunkan apabila hak untuk menerima dibuktikan dan apabila tiada ketakpastian ketara wujud berhubung dengan penerimaannya.
- (vi) **Pendapatan dividen**  
Pendapatan dividen diiktiraf apabila hak untuk menerima bayaran dibuktikan.

**(l) Mata Wang Asing**

Urusniaga-urusniaga dalam mata wang asing pada mulanya ditukarkan kepada Ringgit Malaysia pada kadar pertukaran yang berkuatkuasa pada tarikh urusanniaga. Pada setiap tarikh lembaran imbangan, butiran mata wang asing bersifat kewangan telah diterjemahkan kepada Ringgit Malaysia pada kadar pertukaran yang berkuatkuasa pada tarikh tersebut. Butiran tidak bersifat kewangan yang pada awalnya didenominasikan dalam mata wang asing, yang dibawa pada kos sejarah diterjemahkan menggunakan kadar sejarah pada tarikh pengambilalihan dan butiran tidak bersifat kewangan yang dibawa pada nilai saksama diterjemahkan mengguna kadar pertukaran yang wujud semasa nilainya ditentukan. Semua perbezaan pertukaran dibawa ke penyata pendapatan.

**(m) Rosotnilai Aset**

Pada setiap tarikh lembaran imbangan, Kumpulan menyemak amaun dibawa aset-aset untuk menentukan sama ada terdapat tanda-tanda rosotnilai. Di mana wujud tanda sedemikian, rosotnilai akan dikira dengan membandingkan nilai-nilai dibawa aset-aset bersama amaun yang boleh diperolehi semula. Amaun boleh diperolehi semula adalah harga lebih tinggi di antara harga jualan bersih dan nilai digunakan, yang dikira berasaskan kepada aliran tunai masa hadapan yang didiskaunkan. Kerugian rosotnilai diiktiraf ke penyata pendapatan dengan serta-merta, kecuali aset dibawa pada amaun dinilai semula. Mana-mana kerugian rosotnilai aset yang dinilai semula dianggap sebagai pengurangan penilaian semula sehingga tahap lebihan penilaian semula yang pernah diiktiraf tidak digunakan bagi aset yang sama. Keterbalikan kerugian rosotnilai diiktiraf dalam tahun-tahun lepas direkodkan apabila kerugian rosotnilai diiktiraf bagi aset yang tidak lagi wujud atau telah merosot.

**(n) Instrumen-instrumen Kewangan**

Instrumen-instrumen kewangan diiktiraf di lembaran imbangan apabila Kumpulan telah menjadi pihak dalam perjanjian kontrak untuk peruntukan instrumen tersebut.

Instrumen-instrumen kewangan digolongkan sebagai liabiliti atau ekuiti menurut dasar dalam perjanjian kontrak. Faedah, dividen, keuntungan dan kerugian berkaitan dengan instrumen kewangan dikelaskan sebagai liabiliti, yang dilaporkan sebagai perbelanjaan atau pendapatan. Pengagihan kepada pemegang-pemegang instrumen kewangan yang dikelaskan sebagai ekuiti dicajkan kepada ekuiti. Instrumen-instrumen kewangan dikurangkan apabila Kumpulan mempunyai hak boleh dikuatkuasakan dari segi perundangan untuk mengurangkannya dan berhasrat untuk menyelesaikan samada secara bersih atau untuk merealisasikan aset dan menyelesaikan liabiliti secara serentak.

- (i) **Lain-lain Pelaburan Bukan Semasa**  
Pelaburan bukan semasa selain daripada pelaburan dalam subsidiari-subsidiari dan syarikat bersekutu dinyatakan pada kos tolak kerugian rosotnilai. Polisi bagi pengiktirafan dan pengiraan kerugian rosotnilai adalah menurut Nota 2(m). Pada penjualan pelaburan, perbezaan antara perolehan penjualan bersih dan amaun dibawa diiktirafkan di penyata pendapatan.
- (ii) **Penghutang Dagangan dan Lain-lain**  
Penghutang dagangan dan lain-lain dibawa pada nilai yang dijangka boleh direalisasikan. Hutang lapuk dihapuskan apabila dikenal pasti. Anggaran dibuat bagi hutang ragu berdasarkan penelitian dibuat ke atas semua amaun yang belum dijelaskan pada tarikh lembaran imbangan.
- (iii) **Pemiutang Dagangan dan Lain-lain**  
Pemiutang dagangan dan lain-lain dinyatakan pada kos yang merupakan nilai saksama balasan yang akan dibayar pada masa hadapan bagi barangan dan perkhidmatan telah diterima.
- (iv) **Pinjaman Berfaedah**  
Pinjaman berfaedah bank dan overdraf direkodkan pada nilai yang diterima, tolak kos-kos urusniaga.  
  
Kesemua kos pinjaman dicajkan ke dalam penyata pendapatan sebagai perbelanjaan dalam tempoh ia diambilkira.
- (v) **Instrumen-instrumen Ekuiti**  
Saham-saham biasa dikelaskan sebagai ekuiti. Dividen ke atas saham biasa diiktiraf dalam ekuiti dalam tempoh ia diisytiharkan.

Kos-kos urusniaga dalam urusniaga ekuiti diakaunkan sebagai pengurangan daripada ekuiti ditolak cukai. Kos-kos urusniaga ekuiti terdiri daripada hanya kos luaran tambahan secara langsung boleh dikaitkan kepada urusniaga ekuiti yang jikalau boleh telah dielakkan.

**3. Pendapatan**

Pendapatan Kumpulan dan Syarikat terdiri daripada berikut:

	Kumpulan		Syarikat	
	2003	2002	2003	2002
	RM	RM	RM	RM
Pendapatan kontrak	185,303,653	119,137,426	-	-
Nilai diinbois hasil dijual	6,136,657	50,563,968	-	-
Nilai diinbois untuk perkhidmatan yang diberikan	5,616,152	5,387,578	-	-
Pendapatan dividen kasar	-	-	-	4,750,000
Pendapatan yuran pengurusan	-	-	864,000	828,000
	197,056,462	175,088,972	864,000	5,578,000

#### 4. (Kerugian)/Keuntungan dari Operasi

	Kumpulan		Syarikat	
	2003	2002	2003	2002
Nota	RM	RM	RM	RM
Ini dinyatakan selepas dicaj:-				
Imbuan juruaudit (Nota a)	101,300	85,000	39,800	12,000
Hutang lapuk dihapusira	182,000	-	-	-
Susutnilai hartanah, loji dan peralatan	1,697,888	1,834,716	141,030	62,398
Imbuan para Pengarah (Nota b)	3,817,552	1,207,710	313,500	372,000
Sewa kenderaan bermotor dan peralatan	-	2,000	-	-
Kerugian atas penjualan hartanah, loji dan peralatan	2,583	-	2,583	-
Peruntukan bagi hutang ragu	32,520,216	-	-	-
Kerugian kerosotan atas:				
- pelaburan dalam subsidiari	-	-	11,163,474	-
- pelaburan dalam syarikat bersekutu	47,081	205,839	-	-
- lain-lain pelaburan	253,209	-	-	-
Hartanah, loji dan peralatan dihapusira	7,703	-	124	-
Belanja sewa ke atas premis	320,895	312,080	-	-
Bayaran skim pengasingan sukarela	2,052,514	-	392,698	-
Ini dinyatakan selepas mengkreditkan:-				
Keuntungan atas penjualan syarikat bersekutu	870,000	-	-	-
Pendapatan dividen kasar:				
- subsidiari-subsidiari	-	-	-	4,750,000
- syarikat bersekutu	30,000	30,000	-	-
Pendapatan yuran pengurusan				
- subsidiari-subsidiari	-	-	864,000	828,000
- syarikat bersekutu	24,000	24,000	-	-
Pendapatan faedah				
- deposit dengan bank berlesen	495,085	802,254	-	68,212
- subsidiari-subsidiari	-	-	1,210,177	1,238,414
- penghutang dagangan	1,313,321	692,900	-	-
Pendapatan sewa ke atas premis	278,600	355,605	-	-
Keuntungan atas penjualan hartanah, loji dan peralatan	-	211,326	-	-

(Kerugian)/Keuntungan dari Operasi (samb.)

	Nota	Kumpulan		Syarikat	
		2003 RM	2002 RM	2003 RM	2002 RM
(a)					
	Imbuan Juruaudit				
	Juruaudit Syarikat				
	Audit berkanun				
	- tahun semasa	40,000	32,000	15,000	12,000
	- kurangan/(tambahan) peruntukan dalam tahun terdahulu	14,000	(2,000)	6,000	-
	Bukan audit				
	- tahun semasa	7,300	-	7,300	-
	- kurangan peruntukan dalam tahun terdahulu	11,500	-	11,500	-
		<b>72,800</b>	<b>30,000</b>	<b>39,800</b>	<b>12,000</b>
	Lain-lain juruaudit				
	Audit berkanun				
	- tahun semasa	23,500	20,000	-	-
	Bukan audit				
	- tahun semasa	5,000	35,000	-	-
		<b>28,500</b>	<b>55,000</b>	<b>-</b>	<b>-</b>
		<b>101,300</b>	<b>85,000</b>	<b>39,800</b>	<b>12,000</b>
(b)	Imbuan para Pengarah				
	Para Pengarah Syarikat				
	Para Pengarah Eksekutif				
	- gaji dan lain-lain emolumen	2,313,602	691,560	-	-
	- bonus	102,000	51,000	-	-
	- manfaat berupa barangan	93,950	59,150	-	-
	- manfaat bersara*	945,500	-	-	-
	Bukan Eksekutif				
	- yuran	170,000	276,000	170,000	267,000
	- bonus	35,500	-	35,500	-
	- manfaat berupa barangan	25,000	25,000	-	-
	- lain-lain emolumen	108,000	105,000	108,000	105,000
		<b>3,793,552</b>	<b>1,207,710</b>	<b>313,500</b>	<b>372,000</b>
	Lain-lain Pengarah				
	Bukan Eksekutif				
	- yuran	24,000	-	-	-
		<b>24,000</b>	<b>-</b>	<b>-</b>	<b>-</b>
		<b>3,817,552</b>	<b>1,207,710</b>	<b>313,500</b>	<b>372,000</b>

\* Ini merujuk kepada manfaat bersara yang belum dibayar kepada seorang Pengarah yang bersara sebagai Ketua Pegawai Eksekutif bagi subsidiari dan Pengarah Urusan bagi Syarikat.

Bilangan para Pengarah Kumpulan yang mana jumlah imbuhan masing-masing sepanjang tahun mengikut rangkaian jumlah berikut dianalisa di bawah:-

	Bilangan para Pengarah			
	2003		2002	
	Pengarah Eksekutif	Bukan Pengarah Eksekutif	Pengarah Eksekutif	Bukan Pengarah Eksekutif
<b>Para Pengarah Syarikat</b>				
Dibawah RM50,000	-	4	-	5
RM50,001 - RM100,000	-	1	-	1
RM100,001 - RM150,000	-	1	-	-
RM150,001 - RM200,000	-	-	-	-
RM200,001 - RM250,000	-	-	-	-
RM250,001 - RM300,000	-	-	-	-
RM300,001 - RM350,000	-	-	1	-
RM350,001 - RM400,000	1	-	-	-
RM450,001 - RM500,000	-	-	1	-
RM3,050,001 - RM3,100,000	1	-	-	-
<b>Lain-lain Pengarah</b>				
Dibawah RM50,000	-	2	-	2

	Kumpulan		Syarikat	
	2003	2002	2003	2002
	RM	RM	RM	RM

(c) Maklumat Kakitangan:

Kos kakitangan (tidak termasuk imbuhan para Pengarah)	8,734,199	7,383,486	1,686,083	1,002,473
---	-----------	-----------	-----------	-----------

	Kumpulan		Syarikat	
	2003	2002	2003	2002
	RM	RM	RM	RM

#### 5. Kos Kewangan

Perbelanjaan faedah ke atas:

- kertas komersial Murabahah dan nota jangka sederhana Murabahah	1,928,114	-	-	-
- overdraf	645,400	310,093	-	-
- pinjaman berjangka	349,265	4,027	-	-
- resit amanah dan penerimaan jurubank	904,883	924,030	-	-
- sewa beli	164,487	122,646	7,579	9,315
	<b>3,992,149</b>	<b>1,360,796</b>	<b>7,579</b>	<b>9,315</b>

	Kumpulan		Syarikat	
	2003	2002	2003	2002
	RM	RM	RM	RM

#### 6. Cukai

Perbelanjaan cukai bagi tahun:-

Cukai pendapatan	21,500	5,302,767	-	-
Cukai tertunda (Nota 23):- Berkaitan dengan originisasi dan keterbalikan perbezaan sementara	(944,054)	37,516	-	-
(Lebihan)/kurangan peruntukan dalam tahun-tahun terdahulu	(73,830)	416,484	-	-
	<b>(1,017,884)</b>	<b>454,000</b>	<b>-</b>	<b>-</b>
Kurangan peruntukan dalam tahun-tahun terdahulu: Cukai pendapatan	2,072,481	96,497	211,821	-
Jumlah perbelanjaan cukai	<b>1,076,097</b>	<b>5,853,264</b>	<b>211,821</b>	<b>-</b>

### Cukai (samb.)

Cukai pendapatan domestik Kumpulan dikira pada kadar cukai berkanun Malaysia sebanyak 28% (2002:28%) daripada taksiran keuntungan boleh dinilai bagi tahun, kecuali bagi subsidiari yang mana cukai pendapatan domestik dalam tahun kewangan semasa dikira pada kadar cukai berkanun Malaysia sebanyak 20% daripada taksiran keuntungan boleh dinilai sehingga RM100,000 dan 28% daripada taksiran keuntungan yang melebihi RM100,000 bagi tahun.

Pelarasan perbelanjaan cukai pendapatan terpakai kepada (kerugian)/ keuntungan sebelum cukai pada kadar cukai pendapatan berkanun kepada perbelanjaan cukai pendapatan pada kadar cukai pendapatan berkesan Kumpulan dan Syarikat adalah seperti berikut:-

	2003 RM	2002 RM
<b>Kumpulan</b>		
(Kerugian)/Keuntungan sebelum cukai	(36,932,070)	20,990,494
Cukai pada kadar cukai berkanun Malaysia sebanyak 28% (2002: 28%)	(10,340,980)	5,877,338
Pendapatan tidak tertakluk kepada cukai	(417,582)	(279,343)
Perbelanjaan tidak boleh ditolak untuk tujuan cukai	1,708,054	1,361,775
Kesan pengurangan dalam kadar cukai Malaysia	(8,000)	-
Aset cukai tertunda tidak diiktiraf dalam tahun semasa	8,135,954	329,915
Penggunaan peruntukan modal tidak diserap tidak diiktiraf sebelum ini	-	(146,263)
Terkurang peruntukan cukai pendapatan dalam tahun-tahun terdahulu	2,072,481	96,497
(Tambahan)/kurangan peruntukan cukai liabiliti tertunda dalam tahun-tahun terdahulu	(73,830)	416,484
Kurangan peruntukan cukai pendapatan tidak diiktiraf dalam tahun-tahun terdahulu	-	(165,212)
Kurangan peruntukan cukai pendapatan dalam tahun semasa	-	(1,637,927)
Perbelanjaan cukai bagi tahun	<b>1,076,097</b>	<b>5,853,264</b>
<b>Syarikat</b>		
(Kerugian)/Keuntungan sebelum cukai	(11,915,362)	4,629,082
Cukai pada kadar cukai berkanun Malaysia sebanyak 28% (2002: 28%)	(3,336,301)	1,296,143
Pendapatan tidak tertakluk kepada cukai	-	(1,347,185)
Perbelanjaan tidak boleh ditolak untuk tujuan cukai	3,196,975	189,743
Aset cukai tertunda tidak diiktiraf dalam tahun semasa	139,327	12,191
Kurangan peruntukan cukai pendapatan dalam tahun-tahun terdahulu	211,821	-
Kurangan peruntukan cukai pendapatan tidak diiktiraf dalam tahun-tahun terdahulu	-	(150,892)
Perbelanjaan cukai bagi tahun	<b>211,821</b>	<b>-</b>

## Cukai (samb.)

	Kumpulan		Syarikat	
	2003	2002	2003	2002
	RM	RM	RM	RM

### Kerugian cukai dianalisis seperti berikut:

Penjimatan cukai diiktiraf dalam tahun timbul daripada: Penggunaan kerugian cukai tahun semasa	370,838	108,008	338,850	108,008
Kerugian cukai belum guna bawa ke hadapan	33,392,779	1,129,123	371,027	-

### Elaun modal belum diguna dianalisis seperti berikut:

Penjimatan cukai diiktiraf dalam tahun timbul daripada: Penggunaan elaun modal belum diguna tahun semasa	23,327	101,666	-	-
Penggunaan elaun modal belum diguna dibawa hadapan dari tahun-tahun terdahulu	-	146,263	-	-
Elaun modal belum diguna dibawa ke hadapan	1,143,000	269,084	273,110	166,252

#### 7. (Kerugian)/Keuntungan Sesaham

(Kerugian)/keuntungan sesaham dihitung berdasarkan (kerugian)/keuntungan selepas cukai sebanyak RM38,008,167 (2002: RM15,137,230) ke atas 60,000,000 (2002: 60,000,000) saham biasa bernilai RM1 sesaham dalam terbitan sepanjang tahun.

#### 8. Dividen

Dividen bersih sesaham sebagaimana dinyatakan dalam penyata pendapatan dihitung seperti berikut:

	Kumpulan / Syarikat	
	2003 sen	2002 sen
Dividen akhir sebanyak 7.5%, dikecualikan cukai pada 21 Januari 2003.	-	7.50

Pada 2002, dividen sesaham dihitung dengan membahagikan dividen diisytiharkan bagi tahun tersebut sebanyak RM4,500,000 dengan bilangan saham biasa bernilai RM1 sesaham dalam terbitan pada akhir tahun sebanyak 60,000,000.

9. Hartanah, Loji dan Peralatan

Kumpulan

	Tanah pegangan pajak jangka panjang RM	Tanah pegangan kekil RM	Bangunan		Perabot dan kelengkapan RM	Peralatan pejabat RM	Pengubah- suatan RM	Kenderaan bermotor RM	Perkakasan peralatan RM	Peralatan Gim RM	Jumlah	
			RM	RM							2003 RM	2002 RM
<b>Nilai Buku Bersih</b>												
Pada 1 Julai	6,083,216	-	5,907,645	178,666	826,805	619,932	2,675,142	243,683	30,188	16,565,277	15,336,790	
Tambahan	-	8,645,144	-	42,680	403,942	42,589	156,069	51,895	-	9,342,319	3,096,549	
Penjualan/Penghapusankiraan	-	-	-	(2,107)	(6,962)	(129)	(2,662)	(626)	-	(12,486)	(33,346)	
Susutnilai	(71,301)	-	(123,943)	(49,072)	(390,543)	(186,066)	(763,559)	(107,170)	(6,234)	(1,697,888)	(1,834,716)	
Kembalikan terlebih permodalan dalam tahun terdahulu	-	-	-	-	(17,978)	-	-	-	-	(17,978)	-	
Pengkelasan semula	-	-	-	(23,008)	-	23,008	-	-	-	-	-	
<b>Pada 30 Jun 2003</b>	<b>6,011,915</b>	<b>8,645,144</b>	<b>5,783,702</b>	<b>147,159</b>	<b>815,264</b>	<b>499,334</b>	<b>2,064,990</b>	<b>187,782</b>	<b>23,954</b>	<b>24,179,244</b>	<b>16,565,277</b>	
<b>Pada 30 Jun 2002</b>												
Pada kos	-	8,645,144	-	462,110	2,480,674	1,235,810	4,652,469	952,917	31,170	18,460,294		
Pada nilai	6,337,555	-	6,197,188	-	-	-	-	-	-	12,534,743		
Susutnilai terkumpul	(325,640)	-	(413,486)	(314,951)	(1,665,411)	(736,475)	(2,587,479)	(765,135)	(7,216)	(6,815,793)		
<b>Nilai buku bersih</b>	<b>6,011,915</b>	<b>8,645,144</b>	<b>5,783,702</b>	<b>147,159</b>	<b>815,263</b>	<b>499,335</b>	<b>2,064,990</b>	<b>187,782</b>	<b>23,954</b>	<b>24,179,244</b>		
<b>Pada 30 Jun 2002</b>												
Pada kos	-	-	-	804,538	3,372,429	1,746,465	4,974,419	901,916	31,170	-	11,830,937	
Pada nilai	6,337,555	-	6,197,188	-	-	-	-	-	-	-	12,534,743	
Susutnilai terkumpul	(254,339)	-	(289,543)	(625,872)	(2,545,624)	(1,126,533)	(2,299,277)	(658,233)	(982)	-	(7,800,403)	
<b>Nilai buku bersih</b>	<b>6,083,216</b>	<b>-</b>	<b>5,907,645</b>	<b>178,666</b>	<b>826,805</b>	<b>619,932</b>	<b>2,675,142</b>	<b>243,683</b>	<b>30,188</b>	<b>-</b>	<b>16,565,277</b>	

## Hartanah, Loji dan Peralatan (samb.)

## Syarikat

	Perkakas Pejabat RM	Pengubah- suaian RM	Kenderaan bermotor RM	Peralatan Gim RM	2003 RM	Jumlah	2002 RM
<b>Nilai buku bersih</b>							
Pada 1 Julai	106,087	181,095	124,323	30,188	441,693		157,277
Tambahan	200,527	-	-	-	200,527		346,814
Susutnilai	(62,836)	(40,218)	(31,742)	(6,234)	(141,030)		(62,398)
Pelupusan/Penghapusankiraan	(4,907)	-	-	-	(4,907)		-
Keterbalikan terlebih permodalan dalam tahun terdahulu	(17,978)	-	-	-	(17,978)		-
<b>Pada 30 Jun</b>	<b>220,893</b>	<b>140,877</b>	<b>92,581</b>	<b>23,954</b>	<b>478,305</b>		<b>441,693</b>
<b>Pada 30 Jun 2003</b>							
Pada kos	291,245	201,090	158,710	31,170	682,215		
Susutnilai terkumpul	(70,352)	(60,213)	(66,129)	(7,216)	(203,910)		
<b>Nilai buku bersih</b>	<b>220,893</b>	<b>140,877</b>	<b>92,581</b>	<b>23,954</b>	<b>478,305</b>		
<b>Pada 30 Jun 2002</b>							
Pada kos	115,853	201,090	158,710	31,170	-		506,823
Susutnilai terkumpul	(9,766)	(19,995)	(34,387)	(982)	-		(65,130)
<b>Nilai buku bersih</b>	<b>106,087</b>	<b>181,095</b>	<b>124,323</b>	<b>30,188</b>	<b>-</b>		<b>441,693</b>

**Hartanah, Loji dan Peralatan** (samb.)

- (i) Pada 30 November 2000, tanah pegangan pajakan dan bangunan subsidiari-subsidiari tertentu telah dinilai semula oleh para Pengarah berdasarkan penilaian profesional bebas yang dijalankan atas dasar penggunaan sedia ada. Defisit penilaian semula sebanyak RM1,148,004 timbul daripada penilaian semula telah didebitkan terhadap penyata pendapatan dan rizab penilaian semula aset masing-masing berjumlah RM366,434 dan RM781,570. Tanah pegangan pajakan mempunyai tempoh pajakan belum tamat selama 82 tahun.

Sekiranya tanah pegangan pajakan dan bangunan dinilai semula pada kos sejarah, nilai buku bersih tanah pegangan pajakan dan bangunan yang mungkin dimasukkan ke dalam penyata kewangan Kumpulan pada 30 Jun 2003 masing-masing adalah sebanyak RM4,563,587 (2002: RM4,619,505) dan RM5,306,381 (2002: RM5,428,737).

- (ii) Tanah pegangan pajakan jangka panjang dan bangunan Kumpulan dengan jumlah kos sebanyak RM7,600,000 (2002: RM7,600,000) dan nilai buku bersih sebanyak RM5,676,510 (2002: RM5,769,567) dan tanah pegangan bebas dengan jumlah kos sebanyak RM8,645,144 (2002: RM tiada) telah dicagar kepada institusi-institusi kewangan bagi kemudahan kredit diberikan kepada subsidiari-subsidiari tertentu.
- (iii) Termasuk di atas adalah kenderaan bermotor dibeli di bawah pengaturan sewa beli bagi Kumpulan dan Syarikat dengan nilai buku bersih masing-masing sebanyak RM1,948,094 (2002: RM2,474,413) dan RM92,581 (2002: RM124,323).

**10. Pelaburan Dalam Subsidiari**

	Syarikat	
	2003 RM	2002 RM
Saham tidak disebut harga, pada kos	32,664,208	32,664,208
Tolak: Kerugian rosotnilai terkumpul	(11,163,474)	-
	<u>21,500,734</u>	<u>32,664,208</u>

Butir-butir subsidiari-subsidiari adalah seperti berikut:-

Nama Syarikat	Negara Diperbadankan	Kegiatan Utama	Kepentingan Ekuiti dipegang	
			2003 %	2002 %
Elitemac Resources Sdn Bhd	Malaysia	Pemegangan pelaburan dan pembekalan, pemasangan, penjayaan, dan penyelenggaraan kelengkapan pembekalan kuasa bagi sistem telekomunikasi	100	100

Nama Syarikat	Negara Pembedanaan	Kegiatan Utama	Kepentingan Ekuiti dipegang	
			2003 %	2002 %
* Edaran Komputer Sdn Bhd	Malaysia	Pembekalan, pemasangan, penjayaan, penyepaduan dan penyelenggaraan keluaran teknologi maklumat dan perkhidmatan berkaitan	100	100
* SIDIC Technology Sdn Bhd	Malaysia	Penyedia teknologi untuk servis integrasi maklumat	100	100
* MIDC Technology Sdn Bhd	Malaysia	Penyedia teknologi untuk pusat servis integrasi maklumat. Menghentikan operasi sementara waktu dalam tahun	100	100
<b>Subsidiari kepada Elitemac Resources Sdn Bhd</b>				
Edaran Communications Sdn Bhd	Malaysia	Pembekalan, pemasangan, penjayaan, penyepaduan dan penyelenggaraan kelengkapan telekomunikasi dan perkhidmatan berkaitan	100	100
* Diaudit oleh juruaudit- juruaudit dari firma lain.				

## 11. Pelaburan dalam Syarikat-syarikat Bersekutu

	Syarikat	
	2003 RM	2002 RM
Saham tidak disebut harga, pada kos	490,000	520,000
Tolak: Kerugian rosotnilai terkumpul	(252,920)	(205,839)
	<u>237,080</u>	<u>314,161</u>

Butir-butir syarikat-syarikat bersekutu adalah seperti berikut:

Nama Syarikat	Negara Diperbadankan	Kegiatan Utama	Kepentingan Ekuiti dipegang	
			2003 %	2002 %
* Advanced Communication Solutions Sdn Bhd	Malaysia	Pembekalan, penghantaran, pemasangan, pengujian dan penjayaan pensuisan digital dan menyediakan perkhidmatan kejuruteraan dan latihan	49	49
* EC Partners Sdn Bhd	Malaysia	Menyedia perkhidmatan untuk melaksanakan perdagangan elektronik	-	30

\* Diaudit oleh juruaudit- juruaudit dari firma lain.

Seperti dinyatakan dalam Nota 2(c) kepada penyata kewangan, pelaburan dalam syarikat-syarikat bersekutu diakaunkan dalam penyata kewangan disatukan di bawah kaedah kos.

Sekiranya kaedah ekuiti perakaunan telah digunakan sehingga tahap boleh dikira berdasarkan penyata kewangan pengurusan belum diaudit, amaun pelaburan di dalam syarikat bersekutu yang mungkin di bawa adalah seperti berikut:

	Kumpulan	
	2003 RM	2002 RM
Saham tidak disebut harga, pada kos	490,000	520,000
Tolak: Bahagian rizab selepas pemilikan	(252,920)	637,432
	<u>237,080</u>	<u>1,157,432</u>
Diwakili oleh: Bahagian aset bersih	<u>237,080</u>	<u>1,157,432</u>

**Pelaburan dalam Syarikat-syarikat Bersekutu (samb.)**

Sekiranya kaedah ekuiti perakaunan telah digunakan sehingga tahap boleh dikira berdasarkan penyata kewangan pengurusan belum diaudit, penyata pendapatan adalah seperti berikut:

	2003		2002	
	RM	RM	RM	RM
(Kerugian)/Keuntungan sebelum cukai dan bahagian (kerugian)/keuntungan syarikat-syarikat bersekutu		(36,932,070)		20,990,494
Bahagian (kerugian)/keuntungan syarikat-syarikat bersekutu		(47,081)		15,352
(Kerugian)/Keuntungan sebelum cukai		(36,979,151)		21,005,846
Cukai sebelum bahagian cukai syarikat-syarikat bersekutu	(1,076,097)		(5,853,264)	
Bahagian daripada cukai syarikat-syarikat bersekutu	-		-	
Cukai		(1,076,097)		(5,853,264)
(Kerugian)/Keuntungan selepas cukai		<b>(38,055,248)</b>		<b>15,152,582</b>

**12. Lain-lain pelaburan**

	Kumpulan	
	2003 RM	2002 RM
<u>Disebut harga di Malaysia</u>		
- Saham, pada kos	5,000	5,000
- Waran, pada kos	350,700	350,700
	355,700	355,700
Tolak: Kerugian rosotnilai terkumpul	(253,699)	(250,489)
	102,001	105,211
<u>Tidak disebut harga di Malaysia</u>		
- Saham, pada kos	250,000	250,000
Tolak: Kerugian rosotnilai terkumpul	(249,999)	-
	1	250,000
	102,002	355,211
Nilai pasaran:		
- Saham	1,175	1,475
- Waran	102,000	112,500
	103,175	113,975

### 13. Amaun Terhutang Daripada/(Kepada) Pelanggan atas Kontrak

	Kumpulan	
	2003 RM	2002 RM
Kos kontrak tertanggung hingga kini	265,406,003	213,087,090
Tambah: Keuntungan boleh diagih	45,890,192	48,373,786
	311,296,195	261,460,876
Tolak: Bil progres	(304,728,419)	(282,448,601)
	6,567,776	(20,987,725)
Amaun terhutang daripada pelanggan atas kontrak	10,431,306	9,489,985
Amaun terhutang kepada pelanggan atas kontrak	(3,863,530)	(30,477,710)
	6,567,776	(20,987,725)
Pendapatan kontrak diiktiraf sebagai pendapatan	185,303,653	119,137,426
Kos kontrak diiktiraf sebagai belanja	169,157,130	94,853,429

### 14. Penghutang Dagangan

	Kumpulan		Syarikat	
	2003	2002	2003	2002
	RM	RM	RM	RM
Penghutang dagangan	111,275,415	180,159,125	-	-
Tolak: Peruntukan bagi hutang ragu*	(29,052,153)	(31,937)	-	-
	82,223,262	180,127,188	-	-

Termasuk dalam penghutang dagangan Kumpulan adalah penghutang dagangan kasar Kumpulan berjumlah RM20,255,823 (2002: RM43,394,257) ialah hutang daripada Celcom (Malaysia) Berhad ("Celcom"), sebuah syarikat di mana Pengarah dan pemegang saham utama Syarikat, Tan Sri Dato' Tajudin Ramli mempunyai kepentingan. Tan Sri Dato' Tajudin Ramli adalah bekas Pengarah dan pemegang saham utama Celcom. Tan Sri Dato' Tajudin Ramli berhenti memegang jawatan Pengarah Celcom berkuatkuasa dari 3 Julai 2002 dan berhenti dari menjadi pemegang saham utama Celcom berkuatkuasa dari 30 Januari 2003.

Tempoh kredit dagangan biasa Kumpulan adalah di antara 30 hingga 90 hari. Lain-lain tempoh kredit dinilai dan diluluskan atas dasar kes-kes tertentu.

Pada tarikh lembaran imbangan, Kumpulan mempunyai tumpuan risiko kredit belum dijelaskan dalam bentuk baki hutang daripada 2 pelanggan yang merangkumi 40% daripada jumlah kasar penghutang dagangan.

Termasuk dalam penghutang dagangan Kumpulan adalah hutang berjumlah RM23,681,142 (2002: RM45,211,021) yang tidak dijelaskan lebih dari 1 tahun. Para Pengarah, selepas menilai hutang, berpendapat bahawa hutang-hutang ini boleh diperolehi semula dan tiada tanda mencadangkan bahawa penghutang-penghutang tidak mampu menjelaskannya. Para Pengarah juga telah mengesahkan hasrat mereka untuk meneruskan usaha memperolehi semula sepenuhnya hutang-hutang tersebut dan selaras

**Penghutang Dagangan (samb.)**

dengan itu, tiada peruntukan selanjutnya bagi perolehan semula hutang lapuk dianggap perlu.

- \* Pada 2002, tiga syarikat subsidiari telah memasuki empat kontrak selama satu tahun sebagai sub-kontraktor kepada Daya Minda Sdn Bhd, SKKPJ (Tanah Merah) Development Sdn Bhd dan Edisi Permata Sdn Bhd selaku kontraktor utama untuk membekal dan pembekalan komputer kepada Perbadanan Komputer Nasional Berhad ("Nascom").

Di bawah dua dari sub-kontrak, satu subsidiari kepada Syarikat, Edaran Komputer Sdn Bhd ("EKOM") telah membekal dan telah memenuhi tanggungjawab ("kontrak EKOM") manakala baki dua kontrak lagi, tiada Pesanan Belian telah dikeluarkan dalam jangkamasa kontrak. Sekuriti deposit berjumlah 10% dari jumlah kontrak telah disediakan masing-masing untuk setiap kontrak.

Hingga kini, Nascom masih gagal untuk membuat sebarang pembayaran untuk pembekalan komputer dan masih tidak mengembalikan sebarang deposit sekuriti ("Hutang Tertunggak").

Dua dari kontraktor utama, dimana pihak yang terlibat dalam kontrak EKOM, telah mengambil tindakan undang-undang dan prosiding mendapatkan semula bayaran terhadap Nascom. Berdasarkan perancangan yang dipersetujui dengan mereka, semua perolehan daripada tindakan undang-undang akan diletakkan dalam tempoh interim kepada pemegang berkepentingan bagi manfaat EKOM dalam menyelesaikan segala jumlah yang terhutang.

Berdasarkan keadaan dan kedudukan Nascom, Lembaga Pengarah telah bersetuju bahawa adalah berkemungkinan tinggi Nascom tidak dapat membayar balik Hutang Tertunggak tersebut. Suatu peruntukan penuh kepada Hutang Tertunggak telah dibuat bagi tahun kewangan semasa untuk menyesuaikan dengan keadaan yang sedemikian.

Walaupun dengan peruntukan, Lembaga Pengarah telah mengambil keputusan untuk mendapatkan semula amaun terhutang kepada subsidiari-subsidiari Syarikat dari kontraktor utama.

Pada 21 Oktober 2003, EKOM telah memulakan prosiding undang-undang terhadap Daya Minda Sdn Bhd dan SKKPJ (Tanah Merah) Development Sdn Bhd untuk menuntut balik jumlah tunggakan bersangkutan dengan kontrak EKOM.

Syarikat telah membuat aduan polis mengenai kontrak tersebut.

**15. Lain-lain Pemiutang**

	Kumpulan		Syarikat	
	2003	2002	2003	2002
	RM	RM	RM	RM
Penghutang runcit	1,610,728	2,933,686	50,224	22,234
Deposit	3,809,110	4,793,231	29,048	41,244
Prabayaran	700,139	423,891	-	-
	6,119,977	8,150,808	79,272	63,478
Tolak: Peruntukan bagi hutang ragu**	(3,500,000)	-	-	-
	2,619,977	8,150,808	79,272	63,478

Pada tarikh lembaran imbangan, Kumpulan mempunyai tumpuan penting terhadap risiko kredit dalam bentuk baki hutang belum dijelas daripada satu pelanggan yang merangkumi 37% daripada jumlah kasar penghutang-penghutang lain.

\*\* Ini adalah mengenai deposit kontrak yang dibayar seperti diterangkan dalam nota 14 di atas.

**16. Jumlah Terhutang Daripada Subsidiari- subsidiari**

Jumlah terhutang daripada subsidiari-subsidiari adalah tidak bercagar, tiada skim pembayaran balik tetap dan faedah dikenakan pada kadar 4% (2002: 4%) setahun.

**17. Jumlah Terhutang Daripada Syarikat-syarikat Bersekutu**

Jumlah terhutang daripada syarikat-syarikat bersekutu adalah tidak bercagar, tanpa faedah dan tiada skim pembayaran balik tetap.

**18. Deposit Dengan Bank Berlesen**

Deposit dengan bank berlesen Kumpulan berjumlah RM27,743,417 (2002:RM11,725,762) dicagarkan kepada bank untuk kemudahan pinjaman yang diberikan kepada subsidiari-subsidiari tertentu yang dirujuk dalam Nota 21.

Kadar faedah dan purata kematangan deposit-deposit Kumpulan pada 30 Jun 2003 masing-masing di antara 3% hingga 4% setahun dan 365 hari.

**19. Pemiutang Dagangan**

Termasuk dalam pemiutang dagangan Kumpulan adalah jumlah sebanyak RM3,269,432 (2002: RM181,432) terhutang kepada Celcom (Malaysia) Berhad ("Celcom"), sebuah syarikat di mana Pengarah dan pemegang saham utama Syarikat, Tan Sri Dato' Tajudin Ramli mempunyai kepentingan. Tan Sri Dato' Tajudin Ramli adalah bekas Pengarah dan pemegang saham utama Celcom. Tan Sri Dato' Tajudin Ramli berhenti memegang jawatan Pengarah Celcom berkuatkuasa dari 3 Julai 2002 dan berhenti sebagai pemegang saham utama Celcom berkuatkuasa dari 30 Januari 2003.

Tempoh kredit biasa diberikan kepada Kumpulan adalah di antara 30 hingga 90 hari.

**20. Pemiutang Lain**

	Kumpulan		Syarikat	
	2003	2002	2003	2002
	RM	RM	RM	RM
Pemiutang runcit	269,428	889,526	39,244	513,598
Akruan	1,414,774	197,998	110,900	83,300
	1,684,202	1,087,524	150,144	596,898

## 21. Pinjaman

	Kumpulan		Syarikat	
	2003	2002	2003	2002
	RM	RM	RM	RM
<b>Pinjaman jangka pendek</b>				
Bercagar:				
Overdraif bank	1,209,746	5,087,587	-	-
Penerimaan jurubank	6,062,000	-	-	-
Kertas komersial				
Murabahah	40,000,000	-	-	-
Pinjaman berjangka	495,211	-	-	-
Resit amanah	5,981,072	24,246,369	-	-
Sewa beli berbayar (Nota 24)	470,619	390,611	21,827	19,925
	<u>54,218,648</u>	<u>29,724,567</u>	<u>21,827</u>	<u>19,925</u>
<b>Pinjaman jangka panjang</b>				
Bercagar:				
Pinjaman berjangka	4,194,314	-	-	-
Sewa beli berbayar (Nota 24)	924,592	1,298,233	50,062	71,886
Nota jangka sederhana				
Murabahah	20,000,000	-	-	-
	<u>25,118,906</u>	<u>1,298,233</u>	<u>50,062</u>	<u>71,886</u>
<b>Jumlah pinjaman</b>				
Overdraif bank	1,209,746	5,087,587	-	-
Penerimaan jurubank	6,062,000	-	-	-
Kertas komersial				
Murabahah	40,000,000	-	-	-
Nota jangka sederhana				
Murabahah	20,000,000	-	-	-
Pinjaman berjangka	4,689,525	-	-	-
Resit amanah	5,981,072	24,246,369	-	-
Sewa beli berbayar (Nota 24)	1,395,211	1,688,844	71,889	91,811
	<u>79,337,554</u>	<u>31,022,800</u>	<u>71,889</u>	<u>91,811</u>
<b>Kematangan pinjaman (tidak termasuk sewa beli);</b>				
Dalam masa 1 tahun	53,748,029	29,333,956	-	-
Lebih dari 1 tahun dan kurang dari 2 tahun	495,211	-	-	-
Lebih dari 2 tahun dan kurang dari 5 tahun	21,485,633	-	-	-
Lebih dari 5 tahun	2,213,470	-	-	-
	<u>77,942,343</u>	<u>29,333,956</u>	<u>-</u>	<u>-</u>

### Pinjaman (samb.)

- (a) Kadar faedah pada tarikh lembaran imbalan bagi pinjaman bank tidak termasuk sewa beli, adalah seperti berikut:-

	Kumpulan		Syarikat	
	2003	2002	2003	2002
	%	%	%	%
Overdraif bank	7.40 - 9.00	7.90 - 8.40	-	-
Penerimaan jurubank	2.95 - 3.10	-	-	-
Kertas komersial Murabahah	3.90 - 5.05	-	-	-
Nota jangka sederhana				
Murabahah	8.55	-	-	-
Pinjaman berjangka	7.90	-	-	-
Resit amanah	7.40 - 8.15	7.90	-	-

- (b) Pinjaman berjangka Kumpulan telah dicagar melalui satu gadaian undang-undang ke atas tanah pegangan kekal subsidiari dan jaminan korporat Syarikat.

Butir-butir ke atas terma dan ketersediaan kertas komersial Murabahah dan nota jangka sederhana Murabahah adalah seperti yang dinyatakan dalam Nota 29 kepada penyata kewangan.

Lain-lain pinjaman bank Kumpulan adalah dicagarkan melalui berikut:-

- (i) gadaian undang-undang ke atas tanah pegangan pajakan dan bangunan subsidiari-subsidiari tertentu seperti yang dikemukakan dalam Nota 9;
- (ii) deposit tetap tertentu subsidiari-subsidiari yang dikemukakan dalam Nota 18;
- (iii) serahan hak perolehan kontrak subsidiari-subsidiari tertentu;
- (iv) jaminan korporat subsidiari; dan
- (v) jaminan bersama dan berbagai oleh Pengarah subsidiari-subsidiari tertentu.

## 22. Modal Saham

	Kumpulan/Syarikat		Kumpulan/Syarikat	
	2003	2002	2003	2002
	Bilangan saham		RM	RM
Saham biasa bernilai RM1 sesaham				
Dibenarkan				
Pada 1 Julai/ 30 Jun	100,000,000	100,000,000	100,000,000	100,000,000
Diterbitkan dan dibayar penuh				
Pada 1 Julai/ 30 Jun	60,000,000	60,000,000	60,000,000	60,000,000

## 23. Liabiliti Cukai Tertunda

	Kumpulan		Syarikat	
	2003	2002	2003	2002
	RM	RM	RM	RM
Pada 1 Julai				
Seperti dinyatakan				
sebelum ini	472,000	18,000	-	-
Pelarasan tahun terdahulu	625,444	625,444	-	-
Pada 1 Julai sebagaimana				
dinyatakan semula	1,097,644	643,644	-	-
Diiktiraf dalam penyata				
pendapatan (Nota 6)	(1,017,884)	454,000		
Pada 30 Jun	79,760	1,097,644	-	-

Liabiliti cukai tertunda sebelum dikurangkan adalah seperti berikut:-

	Kumpulan		Syarikat	
	2003	2002	2003	2002
	RM	RM	RM	RM
Penilaian semula tanah dan				
bangunan pegangan pajakan	594,212	625,644	-	-
Elaun modal dituntut terdahulu				
sebelum susutnilai	2,321,803	741,620	168,257	187,970
	2,916,015	1,367,264	168,257	187,970

Aset cukai tertunda sebelum dikurangkan adalah seperti berikut :

	Kumpulan		Syarikat	
	2003	2002	2003	2002
	RM	RM	RM	RM
Kerugian cukai tidak diguna	(1,895,811)	(536)	-	-
Elaun modal tidak diserap	(940,444)	(269,084)	(168,257)	(187,970)
	(2,836,255)	(269,620)	(168,257)	(187,970)

Aset cukai tertunda belum diiktirafkan berhubung dengan perkara-perkara berikut:

	Kumpulan		Syarikat	
	2003	2002	2003	2002
	RM	RM	RM	RM
Kerugian cukai tidak diguna	32,091,180	1,128,587	371,027	-
Elaun modal tidak diserap	202,556	-	104,853	-
	32,293,736	1,128,587	475,880	-

#### Liabiliti Cukai Tertunda (samb.)

Kerugian cukai tidak diguna dan elaun modal tidak diserap tersedia tidak bertempoh untuk pengurangan terhadap keuntungan boleh dicukai masa hadapan subsidiari-subsidiari apabila perkara tersebut berlaku. Aset cukai tertunda tidak diiktiraf berhubung dengan perkara-perkara ini memandangkan ia mungkin tidak digunakan untuk mengurangkan keuntungan boleh dicukai subsidiari-subsidiari lain dalam Kumpulan dan ia telah wujud dalam subsidiari-subsidiari yang mempunyai sejarah kerugian dan/atau mempunyai kerugian tahun semasa.

#### 24. Sewa Beli Berbayar

	Kumpulan		Syarikat	
	2003	2002	2003	2002
	RM	RM	RM	RM
<b>Bayaran pajakan minimum:</b>				
Tidak lebih dari 1 tahun	572,716	545,596	27,504	27,504
Lebih dari 1 tahun tetapi kurang dari 2 tahun	600,200	545,596	54,988	27,504
Lebih dari 2 tahun tetapi kurang dari 5 tahun	503,258	1,020,727	-	54,988
	1,676,174	2,111,919	82,492	109,996
Tolak: Faedah belum tamat	(280,963)	(423,075)	(10,603)	(18,185)
Nilai semasa sewa beli perlu dibayar	1,395,211	1,688,844	71,889	91,811
<b>Nilai semasa sewa beli perlu dibayar:</b>				
Tidak lebih dari 1 tahun	470,619	390,611	21,827	19,925
Lebih dari 1 tahun tetapi kurang dari 2 tahun	495,857	449,801	23,910	21,827
Lebih dari 2 tahun tetapi kurang dari 5 tahun	428,734	848,432	26,152	50,059
	1,395,211	1,688,844	71,889	91,811
Dianalisa seperti:-				
Bayaran balik dalam masa 12 bulan (Nota 21)	470,619	390,611	21,827	19,925
Bayaran balik dalam masa selepas 12 bulan (Nota 21)	924,592	1,298,233	50,062	71,886
	1,395,211	1,688,844	71,889	91,811

Sewa beli dikenakan faedah pada tarikh lembaran imbalan pada kadar 3.9% - 5.75% (2002: 5%) setahun.

## 25. Perubahan dalam Polisi Perakaunan dan Pelarasan Tahun Terdahulu

### (a) Perubahan dalam Polisi Perakaunan

Dalam tahun kewangan, Kumpulan dan Syarikat menggunakan MASB 25 - Cukai Pendapatan, yang mula berkuatkuasa dari 1 Julai 2002 dan selaras dengan itu telah diubahsuai polisi perakaunan ke atas Cukai Pendapatan.

Sebelum ini, cukai tertunda telah diiktiraf di bawah Piawaian Perakaunan Antarabangsa ("IAS") No. 12 - Cukai Pendapatan. Berikutan dengan penerimaan pakai MASB 25, cukai tertunda liabiliti diiktiraf berhubung dengan penilaian semula aset tanpa mengambil kira samada Kumpulan tidak mempunyai hasrat untuk melupuskan aset dinilai semula pada masa hadapan yang boleh dijangka. Kumpulan menilai semula tanah pegangan pajak dan bangunannya sebelum tahun kewangan berakhir 30 Jun 2002 dan lebih penilaian semula bersih telah diiktiraf dalam tahun-tahun terdahulu. Lebih penilaian semula bersih sejak daripada itu telah dihapuskan dalam penyediaan penyata kewangan disatukan. Tiada cukai tertunda telah diakaunkan ke atas lebih penilaian semula selaras dengan IAS 12. Selepas pada penerimaan pakai MASB 25 dalam tahun kewangan, cukai tertunda pada kadar cukai sedia ada sebanyak 28% telah diiktiraf dalam penyata kewangan disatukan dan baki awal keuntungan terkumpul telah diselaraskan selaras dengan itu. Cukai tertunda akan dikenakan kepada penyata pendapatan atas dasar garis lurus berdasarkan hayat guna selebihnya daripada tanah dan bangunan pegangan pajakan.

### (b) Pelarasan Tahun Terdahulu

Perubahan dalam polisi perakaunan telah dipakai secara retrospektif dan angka-angka perbandingan telah dinyatakan semula. Kesan-kesan perubahan dalam polisi perakaunan adalah seperti berikut:-

	Kumpulan		Syarikat	
	2003	2002	2003	2002
	RM	RM	RM	RM
<b>Kesan ke atas keuntungan tertahan:-</b>				
Pada 1 Julai, sebagaimana dinyatakan sebelum ini	30,459,585	19,642,355	4,749,589	4,440,507
Kesan penerimaan pakai MASB 25	(625,644)	(625,644)	-	-
Pada 1 Julai, sebagaimana dinyatakan semula	29,833,941	19,016,711	4,749,589	4,440,507
<b>Kesan ke atas (kerugian)/keuntungan bersih bagi tahun:-</b>				
(Kerugian)/keuntungan bersih sebelum perubahan dalam polisi perakaunan	(38,039,599)	15,137,230	(12,127,183)	4,629,082
Kesan menerima pakai MASB 25	31,432	-	-	-
(Kerugian)/keuntungan bersih bagi tahun	(38,008,167)	15,137,230	(12,127,183)	4,629,082

Penyataan semula jumlah bandingan dikemukakan dalam Nota 30.

26. **Komitmen**

	Kumpulan		Syarikat	
	2003	2002	2003	2002
	RM	RM	RM	RM
Perbelanjaan modal: Diluluskan dan dikontrakkan	-	7,716,000	-	-

27. **Liabiliti Luarjangka**

(a) **Timbangtara**

Kumpulan mempunyai satu tunggakan guaman oleh pihak ketiga terhadap satu subsidiari untuk menuntut amaun sebanyak RM1,002,111 kerana pemungkiran kontrak. Seterusnya, plaintif mengemukakan Notis Pemberhentian bagi tindakan mahkamah dengan persetujuan subsidiari. Pihak-pihak tersebut, telah bersetuju untuk mengemuka tuntutan kepada timbangtara dan menandatangani Perjanjian Rujukan Bersama bagi tujuan mereka tersebut. Pada 30 Jun 2003, Perjanjian Rujukan Bersama muktamat belum lagi diputuskan dan tiada Notis Timbangtara dikemukakan.

Selepas rundingan dengan peguamcara, para Pengarah berpendapat bahawa subsidiari tersebut mempunyai peluang saksama dalam membela tuntutan tersebut. Berdasarkan perkara-perkara di atas, para Pengarah berpendapat bahawa tiada peruntukan bagi liabiliti luar jangka perlu dibuat dalam penyata kewangan.

(b) **Jaminan Korporat**

Bercagar:

	Syarikat	
	2003	2002
	RM	RM
Jaminan pelaksanaan diberikan kepada pihak ketiga berhubung dengan pelaksanaan kontrak	11,745,771	10,812,971
Jaminan kewangan diberikan kepada pihak ketiga berhubung dengan had kredit diberikan oleh pembekal	700,000	700,000
Jaminan tender diberikan kepada pihak ketiga berhubung dengan tender yang dimasuki	600,000	780,000
Jaminan korporat diberikan kepada bank bagi kemudahan kredit diberikan kepada subsidiari	77,649,425	46,517,201
	90,695,196	58,810,712

## 28. Urusniaga Penting Dengan Pihak Berkaitan

Kumpulan menjalani urusniaga dengan Celcom (Malaysia) Berhad ("Celcom"), Kauthar Sdn Bhd ("Kauthar"), dan Cendanasari Insurance Brokers Sdn Bhd ("Cendanasari"). Syarikat-syarikat ini adalah berhubung kait dengan para Pengarah tertentu Syarikat seperti berikut:

Syarikat	Hubungan
Celcom	Kepentingan tidak langsung dipegang oleh Tan Sri Dato' Tajudin Ramli. Tan Sri Dato' Tajudin Ramli berhenti menjadi pemegang saham Celcom berkuatkuasa mulai 30 Januari 2003.
Kauthar	Kepentingan langsung oleh Tan Sri Dato' Tajudin Ramli
Cendanasari	Kepentingan langsung oleh Dato' Idrus Zainol

Ringkasan berikut menunjukkan urusniaga-urusniaga dengan pihak berkaitan yang tidak dinyatakan di bahagian lain dalam penyata kewangan.

	Kumpulan		Syarikat	
	2003	2002	2003	2002
	RM	RM	RM	RM
Jualan barangan, perkhidmatan diberikan dan kontrak kerja kepada Celcom	3,805,637	34,714,356	-	-
Caj kewangan daripada Celcom untuk skim bayaran tertunda	28,245	1,403,848	-	-
Yuran pembrokeran insurans dibayar melalui Cendanasari	190,997	528,406	9,515	7,217
Subsidiari-subsidiari				
- Pendapatan dividen	-	-	-	4,750,000
- Pendapatan faedah	-	-	1,210,177	1,238,414
- Pendapatan yuran pengurusan	-	-	864,000	828,000
Syarikat-syarikat Bersekutu				
- Pendapatan dividen	30,000	30,000	-	-
- Pendapatan yuran pengurusan	24,000	24,000	-	-

Para Pengarah berpendapat bahawa kesemua urusniaga di atas telah dilaksanakan di bawah urusniaga dagangan biasa dan berasaskan terma-terma dan syarat-syarat yang dipersetujui yang tidak mempunyai perbezaan ketara daripada urusniaga-urusniaga lain dengan pihak tidak berkaitan.

## 29. Lain-lain Peristiwa Penting

**(a) Pelupusan keseluruhan kepentingan ekuiti sebanyak 30% dalam syarikat bersekutu, EC Partners Sdn Bhd**

Pada 21 Mei 2003, subsidiari, Edaran Komputer Sdn Bhd menandatangani Perjanjian Jual Beli dengan Inforcap Sdn. Bhd. untuk penjualan 30,000 saham biasa bernilai RM1.00 sesaham mewakili 30% kepentingan ekuiti dalam EC Partners Sdn Bhd bagi balasan tunai sebanyak RM900,000. Penjualan telah selesai dilaksanakan pada 4 Ogos 2003. Ini mengakibatkan keuntungan ke atas penjualan sebanyak RM870,000.

**(b) Program Kertas-kertas Komersial Murabahah/Nota-nota Jangka Sederhana Murabahah**

Pada 29 Ogos 2002, subsidiari, Edaran Komputer Sdn. Bhd. ("EKOM") memasuki satu Program Kertas Komersial Murabahah ("MCP") / Nota Jangka Sederhana Murabahah ("MMTN") RM100 juta (secara kolektifnya, "Nota-nota"). Tempoh Nota-nota Program untuk tempoh selama lima (5) tahun dari tarikh penerbitan pertama Nota-nota. Syarikat boleh menerbitkan MCP untuk tempoh satu (1), dua (2), tiga (3), enam (6), sembilan (9) atau lain-lain tempoh tertentu tidak melebihi tiga ratus enam puluh lima (365) hari dan boleh menerbitkan MTN untuk tempoh di antara satu (1) tahun dan lebih sehingga lima (5) tahun dengan syarat bahawa Nota-nota sedemikian tidak akan matang melebihi tempoh Program Nota-nota.

Program Nota-nota akan bercagar melalui pengaturan berikut:

- (i) Penyerahan kesemua hak kontrak EKOM di bawah kontrak-kontrak tertentu termasuk hak-hak kepada kesemua perolehan di bawah kontrak tersebut;
- (ii) Gadaian ke atas tiga (3) Akaun Dikenal Pasti iaitu Akaun Perolehan, Akaun Rizab Perkhidmatan Kewangan dan Akaun Dana Terikat, yang juga meliputi kesemua wang diperolehi melalui penempatan/pelaburan daripada perolehan dan wang yang akan dikredit kepada EKOM berhubung dengan kontrak-kontrak tertentu;
- (iii) Penyerahan kesemua hak EKOM ke atas mana-mana bon penyelenggaraan/pelaksanaan dan lain-lain deposit sekuriti diterbitkan memihak kepada EKOM (sekiranya ada) berhubung dengan kontrak-kontrak tertentu;
- (iv) Penyerahan hak kesemua insurans EKOM yang diperolehi berhubung dengan kontrak-kontrak tertentu; dan
- (v) Jaminan Korporat daripada Syarikat.

Penerbit akan menebus sepenuhnya amaun terbitan/dikeluarkan dengan menebus pada tara (bagi MCP tanpa faedah) dan nilai tara campur keuntungan (bagi MMTN) pada tarikh-tarikh matang berkaitan Nota-nota masing-masing.

Penerbitan Nota-nota telah diluluskan oleh Suruhanjaya Sekuriti pada 9 Ogos 2002.

Pada 30 Jun 2003, Kumpulan mempunyai MCP dan MMTN pada nilai nominal masing-masing sebanyak RM40,000,000 dan RM20,000,000.

### 30. Angka-angka Perbandingan

Pembentangan dan pengkelasan perkara-perkara dalam penyata kewangan tahun semasa adalah seimbang dengan tahun kewangan sebelum ini kecuali bagi yang berikut:

- Jumlah bandingan tertentu telah diselaraskan akibat daripada perubahan dalam polisi perakaunan seperti yang dikemukakan dalam Nota 2(a) dan Nota 25.
- Pembentangan dan pengkelasan perkara-perkara dalam penyata kewangan tahun semasa adalah selaras dengan tahun kewangan sebelum ini kecuali bagi pembentangan dan pengkelasan perkara-perkara dalam maklumat segmen (Nota 32 kepada penyata kewangan) tahun kewangan sebelum ini yang telah ditukar untuk mematuhi syarat-syarat MASB 22 - Pelaporan Berseghmen yang diterima pakai dalam tahun kewangan.

Angka-angka perbandingan penyata kewangan Kumpulan dan Syarikat berikut dan nota-nota kepadanya telah dikelaskan semula bagi menyamai dengan pembentangan tahun semasa.

	Sebagaimana Dinyatakan Sebelum Ini RM	Pelarasan RM	Sebagaimana Dinyatakan Semula RM
<b>Kumpulan</b>			
<u>Lembaran Imbangan</u>			
Lain-lain penghutang *	8,738,484	(587,676)	8,150,808
Cukai boleh diperolehi semula *	-	587,676	587,676
Liabiliti Cukai tertunda #	472,000	625,644	1,097,644
Keuntungan tertahan #	30,459,585	(625,644)	29,833,941
<u>Nota-nota kepada Lembaran Imbangan</u>			
Penghutang runcit *	2,649,187	284,499	2,933,686
Deposit*	5,077,730	(284,499)	4,793,231
<u>Nota-nota kepada Penyata Pendapatan</u>			
Perbelanjaan cukai pendapatan bagi tahun *	6,801,906	(1,499,139)	5,302,767
Lebihan peruntukan perbelanjaan cukai pendapatan dalam tahun terdahulu *	(1,402,642)	1,499,139	96,497
<b>Syarikat</b>			
<u>Lembaran Imbangan</u>			
Lain-lain penghutang *	270,453	(206,975)	63,478
Cukai boleh diperolehi semula *	-	206,975	206,975

\* Angka-angka perbandingan telah dikelaskan semula untuk menggambarkan pengkelasan yang lebih wajar di antara baki-baki.

# Angka-angka perbandingan telah dinyatakan semula untuk menggambarkan perubahan dalam polisi-polisi perakaunan seperti yang dikemukakan dalam Nota 25.

Angka-angka perbandingan tidak dikemukakan bagi maklumat tertentu berkaitan dengan instrumen-instrumen kewangan sebagaimana dibenarkan oleh MASB 24 - Instrumen-instrumen Kewangan: Penyataan dan Pembentangan selepas penggunaan pertama kalinya.

## 31. Instrumen-instrumen Kewangan

### (a) Objektif-objektif dan Polisi-polisi Pengurusan Risiko Kewangan

Polisi pengurusan risiko kewangan Kumpulan ialah untuk memastikan bahawa sumber-sumber kewangan tersedia mencukupi bagi pembangunan perniagaan-perniagaan Kumpulan sambil menguruskan risiko kadar faedahnya, pertukaran asing, kecairan dan kredit. Kumpulan beroperasi dalam garis panduan yang jelas yang diluluskan oleh Lembaga dan polisi Kumpulan untuk tidak terlibat dalam urusniaga-urusniaga spekulatif.

### (b) Risiko Kadar Faedah

Risiko utama kadar faedah Kumpulan berkait dengan hutang menanggung faedah; Syarikat tidak mempunyai aset menanggung faedah jangka panjang pada 30 Jun 2003. Pelaburan dalam aset kewangan terutamanya adalah bersifat jangka pendek dan ianya tidak dipegang untuk tujuan spekulatif tetapi kebanyakannya ditempatkan dalam deposit tetap yang menghasilkan pulangan yang lebih baik daripada menyimpan tunai di bank. Kumpulan menguruskan pendedahan kadar faedahnya dengan mengekalkan campuran berhemah pinjaman kadar tetap dan terapung. Kumpulan secara aktifnya menyemak portfolio hutangnya, mengambil kira tempoh pemegangan pelaburan dan sifat aset-asetnya. Strategi ini memberi peluang untuk mendapatkan pendanaan lebih murah dalam persekitaran kadar faedah yang rendah dan mencapai tahap perlindungan tertentu terhadap kenaikan kadar.

Maklumat mengenai tarikh matang dan kadar faedah aset dan liabiliti kewangan dikemukakan dalam nota masing-masing.

### (c) Risiko Pertukaran Asing

Syarikat hanya beroperasi di dalam Negara dan tidak terdedah kepada risiko mata wang asing.

### (d) Risiko Kecairan

Kumpulan secara aktifnya menguruskan profil kematangan hutangnya, aliran tunai operasi dan ketersediaan pendanaan untuk memastikan bahawa kesemua keperluan pembiayaan semula, bayaran balik dan pembiayaan dipenuhi. Sebagai sebahagian daripada pengurusan keseluruhan kecairan berhemahnya, Kumpulan mengekalkan tahap-tahap mencukupi tunai atau pelaburan boleh ditukar kepada tunai bagi memenuhi keperluan-keperluan modal kerjanya. Selain itu, Kumpulan berusaha untuk mengekalkan kemudahan perbankan tersedia pada tahap munasabah terhadap kedudukan hutang keseluruhannya. Setakat mana yang mungkin, Kumpulan meningkatkan pendanaan yang komited daripada kedua-dua pasaran modal dan institusi-institusi kewangan dan secara berhemahnya mengimbangkan portfolionya dengan beberapa dana jangka pendek untuk mencapai keberkesanan kos secara keseluruhannya.

### (e) Risiko Kredit

Risiko kredit, atau risiko pihak-pihak memungkir, dikawal melalui penggunaan kelulusan kredit, had kredit dan prosedur-prosedur mengawal kredit. Risiko-risiko kredit diminimumkan dan diawasi dengan ketat secara menghadkan perkaitan Kumpulan kepada rakan-rakan niaga yang mempunyai keupayaan kredit tinggi. Penghutang dagangan diawasi atas dasar berterusan melalui prosedur-prosedur pelaporan pengurusan Kumpulan.

Kumpulan mempunyai pendedahan ketara kepada kumpulan pihak-pihak niaga seperti yang dikemukakan dalam Nota 14 dan 15 kepada penyata pendapatan.

**(f) Nilai Saksama**

Agregat nilai saksama bersih aset-aset dan liabiliti-liabiliti kewangan yang tidak dibawa pada nilai saksama pada lembaran imbangan Kumpulan dan Syarikat pada 30 Jun 2003 ditunjuk seperti berikut:

		Kumpulan	
		Nilai dibawa	Nilai Saksama
		RM	RM
<b>Aset Kewangan:</b>			
Pelaburan lain - Saham disebut harga	12	102,001	103,175
Pelaburan lain - Saham tidak disebut harga	12	250,000	#
Jumlah terhutang daripada syarikat bersekutu	17	5,904	*
<b>Liabiliti Kewangan:</b>			
Sewa beli perlu dibayar	24	1,395,211	1,463,400
		Syarikat	
		Nilai dibawa	Nilai Saksama
		RM	RM
<b>Aset Kewangan:</b>			
Amaun terhutang daripada subsidiari-subsidiari	16	33,850,817	*
<b>Liabiliti Kewangan:</b>			
Sewa beli perlu dibayar	24	71,889	75,593

# Adalah tidak praktikal untuk menganggarkan nilai saksama pelaburan Kumpulan dalam saham-saham tidak disebut harga memandangkan ketiadaan harga pasaran disebut harga dan ketidakupayaan untuk menganggarkan nilai saksama tanpa menanggung kos berlebihan.

\* Adalah tidak praktikal untuk menganggarkan nilai saksama amaun terhutang daripada syarikat-syarikat bersekutu dan subsidiari disebabkan terutamanya oleh ketiadaan terma-terma pembayaran balik tetap ditandatangani oleh pihak-pihak yang terlibat dan tanpa menanggung kos berlebihan. Walau bagaimanapun, Kumpulan tidak menjangkakan nilai dibawa yang direkodkan pada tarikh lembaran imbangan akan berbeza secara ketara daripada nilai-nilai yang mungkin pada akhirnya diterima.

(f) **Nilai Saksama** (*samb.*)

Amaun nosional dan nilai saksama bersih instrumen-instrumen kewangan yang tidak diiktiraf dalam lembaran imbangan Syarikat pada 30 Jun 2003 adalah:

	Syarikat	
	Jumlah Nosional	Nilai Saksama
	RM	RM
Liabiliti kontingen	90,695,196	^

^ Adalah tidak praktikal untuk menganggarkan nilai saksama liabiliti luar jangka secara tepat disebabkan ketidakpastian waktu, kos dan hasil muktamad.

Kaedah-kaedah dan andaian-andaian berikut telah digunakan untuk menganggarkan nilai saksama kelas instrumen-instrumen kewangan berikut:

- (i) Tunai dan Setara Tunai, Penghutang, Pemiutang dan Pinjaman Jangka Pendek  
Amaun penyimpanan hampir menyamai nilai saksama oleh sebab kematangan jangka pendek instrumen-instrumen kewangan tersebut.
- (ii) Pelaburan Disebut Harga  
Nilai saksama pelaburan disebut harga ditentukan melalui rujukan kepada harga bida pasaran disebut harga bursa saham pada penutup perniagaan pada tarikh lembaran imbangan.
- (iii) Pinjaman  
Nilai saksama pinjaman dianggarkan dengan mendiskaunkan aliran tunai pada masa hadapan dianggar dengan menggunakan kadar faedah semasa bagi liabiliti yang mempunyai profil risiko yang sama.
- (iv) Pinjaman Berjangka  
Nilai pembawaan kadar pelbagai pinjaman berjangka Kumpulan adalah dianggarkan anggaran munasabah nilai saksama kerana pinjaman berjangka akan diharga semula serta merta dalam sebarang perubahan kadar faedah pasaran.

**32. Maklumat Segmen**

(a) **Segmen Perniagaan**

Kumpulan disusun kepada 2 segmen perniagaan utama:

- (i) Telekomunikasi  
Pembekalan, pemasangan, penjayaan dan penyelenggaraan peralatan bekalan kuasa bagi sistem telekomunikasi dan penyepaduan dan penyelenggaraan peralatan telekomunikasi dan perkhidmatan berkaitan;

32. **Maklumat Segmen** (*samb.*)(a) **Segmen Perniagaan** (*samb.*)(ii) **Maklumat Teknologi**

Pembekalan, pemasangan, penjayaan dan penyelenggaraan keluaran teknologi maklumat dan perkhidmatan berkaitan, dan penyedia teknologi untuk industri teknologi 'pintar' dan pusat integrasi maklumat.

Lain-lain segmen perniagaan termasuklah pemegangan pelaburan dan pelaburan harta, tiada satu yang mempunyai saiz mencukupi untuk dilaporkan secara berasingan.

Para Pengarah berpendapat bahawa kesemua urusan antara segmen telah dilaksanakan di bawah urusan biasa dan berasaskan terma-terma dan syarat-syarat yang dipersetujui yang tidak mempunyai perbezaan ketara daripada urusan-urusan lain dengan pihak tidak berkaitan.

2003	Tele-komunikasi RM	Teknologi Maklumat RM	Lain-lain RM	Penghapusan Kira RM	Penyatuan RM
<b>Pendapatan</b>					
Jualan luar	7,559,509	189,496,953	-	-	197,056,462
Jualan antara segmen	-	-	864,000	(864,000)	-
Jumlah pendapatan	<u>7,559,509</u>	<u>189,496,953</u>	<u>864,000</u>		<u>197,056,462</u>
<b>Keputusan</b>					
Keputusan segmen	(3,040,410)	(28,091,230)	(11,681,956)	9,953,298	(32,788,298)
Perbelanjaan korporat tidak diperuntukkan					(151,623)
Kerugian daripada operasi					(32,939,921)
Kos kewangan					(3,992,149)
Cukai					(1,076,097)
Kerugian bersih bagi tahun					<u>(38,008,167)</u>
<b>Aset dan liabiliti</b>					
Segmen aset	44,411,275	118,576,477	61,251,519	(70,731,093)	153,508,178
Aset korporat tidak diperuntukkan					18,992,173
Jumlah aset disatukan					<u>172,500,351</u>
Segmen liabiliti	19,131,498	18,241,902	150,144		37,523,544
Liabiliti korporat tak diperuntukkan					79,646,686
Jumlah liabiliti disatukan					<u>117,170,230</u>
<b>Lain-lain maklumat</b>					
Perbelanjaan modal	106,167	591,008	-		697,175
Perbelanjaan modal tidak di peruntukkan	-	-	8,645,144		8,645,144
Susutnilai	455,482	825,272	265,511		1,546,265
Susutnilai tidak diperuntukkan	-	-	-		151,623
Kerugian rosotnilai	50,291	249,999	11,163,474	(11,163,474)	300,290
Perbelanjaan bukan tunai selain daripada susutnilai dan kerugian rosotnilai	4,209	32,724,186	2,707		32,731,102

(a) **Segmen Perniagaan** (samb.)

2002	Tele-komunikasi RM	Teknologi Maklumat RM	Lain-lain RM	Penghapusan Kira RM	DiSatukan RM
<b>Pendapatan</b>					
Jualan luar	44,437,912	130,651,060	-	-	175,088,972
Jualan antara segmen	-	-	6,955,500	(6,955,500)	-
Jumlah pendapatan	<u>44,437,912</u>	<u>130,651,060</u>	<u>6,955,500</u>		<u>175,088,972</u>
<b>Keputusan</b>					
Keputusan segmen	13,717,416	11,242,772	4,905,276	(7,365,914)	22,499,550
Perbelanjaan korporat tidak diperuntukan					<u>(148,260)</u>
